

SPRM buru menantu
Muhyiddin, peguam

4

PM: Jangan lari jika
tidak bersalah

4

Dakwaan Sanusi cuba
alih skandal REE

2

Saman RM200 juta
fitnah projek SMG

2

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 10 - 16 OGOS 2023

www.selangorkini.my

Pertahanan Selangor, Kekal Perpaduan

Orang ramai tertarik dengan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (foto kecil) ketika berkempen untuk kerusi Hulu Kelang di Taman Permata, Gombak yang ditandingi calon Pakatan Harapan Juwairiya Zulkifli pada 6 Ogos 2023. Foto Facebook Anwar Ibrahim ▶ BERITA MUKA 8



Prestasi negeri asas tawaran HARAPAN-BN

Manifesto dari hasil
kejayaan, teruskan
kestabilan dan
kemakmuran negeri


11-14



Kenali calon tempat anda

Senarai lengkap
56 calon yang
bertanding
di Selangor

9-10&15-16



Persaingan sengit tarik pengundi

Pusingan akhir
kempen semakin
'panas' menjelang
pemilihan 12 Ogos

8, 17-23



Cemerlang pulih kualiti sungai

SHAH ALAM - Zon pembangunan ekonomi Gerbang Maritim Selangor (SMG), dimajukan bersama Landasan Lumayan Sdn Bhd dan anak syarikat Berjaya Land Bhd, menjadi sasaran fitnah pembangkang.

Namun, hasil usaha keras memulihara dan memajukan Sungai Klang, syarikat milik penuh Kerajaan Negeri ini memenangi anugerah Green World Awards 2023. Butiran lengkap seperti di bawah:

KUALITI AIR

- lebih baik, kini Kelas 3 daripada Kelas 5
- cecah Kelas 1 musim hujan
- masalah bau makin kurang
- empat stesen pemantauan kualiti air

SAMPAH

- kutip 86,449 tan metrik (mula 2016)
- tujuh perangkap sampah (log boom)
- dua mesin kaut sampah Interceptor
- jaya kutip 63 peratus (2022), lepsi sasaran awal 40 peratus

TEBATAN BANJIR

- tiada dana negeri terlibat (ganti premium tanah dan MBI teroka biaya)
- nilai RM700 juta
- fasa awal: Bukit Lanchong ke Taman Sri Muda - kos RM249 juta
- lebarkan, dalamkan sepanjang 56km dari Mid Valley ke muka kuala

NILAI EKONOMI

- luas 27,960 hektar (termasuk pulau di depan muka kuala)
- kawasan ekonomi 22,780 hektar dalam Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Klang
- kawasan ekonomi 5,180 hektar di tiga majlis bandar raya: Petaling Jaya, Subang Jaya dan Klang
- jumlah pelaburan RM2.2 bilion (anggaran)

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Saman RM200 juta fitnah projek SMG

SHAH ALAM - Berjaya Land Berhad menuntut permohonan maaf secara terbuka dan pampasan ganti rugi RM200 juta daripada pemimpin Perikatan Nasional (PN) Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor.

Syarikat itu, bersama pengasasnya Tan Sri Vincent Tan Chee Yioun, mengambil tindakan susulan kenyataan berunsur fitnah dan tidak benar mengenai projek Gerbang Maritim Selangor (SMG) pada 2 Ogos.

Dalam kenyataan 7 Ogos, satu surat tuntutan melalui firma guamannya dikemukakan kepada Muhammad Sanusi yang menggariskan lima tuntutan.

Pertama, tanpa syarat menarik balik semua kenyataan fitnah dalam ucapan Sanusi, juga menteri besar Kedah, yang merujuk kepada Berjaya Land dan Tan.

Kedua, Sanusi mengemukakan permohonan maaf secara terbuka tanpa syarat berhubung ucapan itu mengikut terma pihak guaman untuk diterbitkan dengan serta-merta di platform diten-

tukan pihak sama.

Ketiga, menyediakan jaminan bertulis bahawa Sanusi tidak akan mengulangi penerbitan dan ucapan mengenai Berjaya Land dan Tan.

Keempat, menyediakan jaminan bertulis bahawa Sanusi dengan segera menghentikan dan tidak akan melanjutkan penerbitan, ucapan, penulisan, perkongsian dengan apa cara mengenai ucapan itu.

Kelima, bersetuju membayar pampasan RM200 juta kepada Berjaya Land dan Tan.

"Jika Muhammad Sanusi gagal mematuhi tuntutan terbabit menjelang 8 Ogos 2023, tindakan undang-undang akan diambil," kata syarikat hartanah itu.

Berjaya Land turut membuat beberapa laporan polis terhadap Muham-

mad Sanusi, selain beberapa penulis blog seperti Badrul Hisham Shaharin dan Raja Petra Kamarudin atas penerbitan kenyataan fitnah terhadap projek SMG.

Dalam kenyataan syarikat itu, Tan berkata kenyataan fitnah berkenaan mencemarkan integriti, reputasi dan imej beliau dan Berjaya Land.

"Tuduhan dilemparkan menimbulkan keaguan dan mencetuskan syak wasangka tanpa sebab mengenai usaha perniagaan serta inisiatif kedermawanan yang sah.

"Kami ingin menyampaikan mesej jelas bahawa sesiapa yang membuat sebarang kenyataan berbau palsu dan mencemarkan imej tidak akan dipandang mudah serta kami ingin pihak terbabit bertanggungjawab atas tindakan mereka," katanya.



Pembangkang fitnah Selangor

Sanusi cuba alih skandal REE

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

GOMBAK - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari percaya Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor sengaja melempar fitnah untuk mengelak daripada skandal unsur nadir bumi (REE) di Kedah.

Pengerusi Pakatan Harapan Selangor berkata pemimpin PAS tersebut dalam keadaan terdesak kerana tidak mampu memberi penjelasan skandal berkenaan sebelum menohmah Kerajaan Selangor.

"Mulalah dialih. Mengapa tuduh kita (Kerajaan Selangor)? Sebab hendak lari dan mulalah 'divert' (melencong isu), ini menunjukkan tahap keterdesakan melampau, mengembangkan fitnah dan dakwaan.

"Saya terpaksa ambil tindakan. Bukan tidak tahan tetapi kena jaga kredibiliti, kena pertahan integriti, tatakelola pentadbiran dalam Selangor," katanya pada 8 Ogos.

Amirudin juga bertegas untuk meneruskan saman atas sebab tohmahan Muhammad Sanusi menjejaskan usaha anak syarikat negeri Landasan Lumayan

Sdn Bhd, peneraju projek Gerbang Maritim Selangor yang memulihara dan memajukan Sungai Klang.

"Inilah masalah, bercakap dulu baru fikir, susah. Dah banyak kali (fitnah), takat telinga saya, tidak apa. Ini sampai kritik kredibiliti pentadbiran, kerajaan, pegawai yang buat kerja, anak syarikat yang profesional.

"Sikap sebegini sangat memalukan. Tidak menunjukkan sikap pemimpin, tapi janganlah nafikan tugas orang lain. Saya percaya benda ini akan berulang. Sudah diterang berkali-kali," katanya.

Tindakan sebab ulang penipuan

SHAH ALAM - Tuduhan yang dilempar Perikatan Nasional (PN) berkaitan projek pembangunan Sungai Klang atau Gerbang Maritim Selangor (SMG) dan kuari Hutan Simpan Bukit Lagong telah dijawab berulang kali.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyifatkan pembangkang hanya mengitar semula dakwaan berkenaan kebelakangan ini untuk dijadikan modal kempen pilihan raya negeri.

"Panjang lebar dijelaskan oleh EXCO

(Ir) Izham (Hashim) dalam sidang Dewan negeri, 45 minit untuk SMG sahaja. Saya juga sudah terangkan dalam (sidang media di) Parlimen selama satu jam.

"Bukit Lagong juga sudah dijawab berulang kali, dalam Hansard (rekod perbahasan). Dia boleh cari data guna Sijil Syarikat Malaysia (SSM) tapi Hansard tidak baca?"

"Nampak sangat PN terdesak untuk cipta gelombang di Selangor hingga wujud dakwaan tidak berasas. 600 ekar

tanah percuma? Sangat tidak berasas," katanya pada 8 Ogos.

Pada 4 Ogos, Amirudin mengambil tindakan undang-undang terhadap Pengarah Pilihan Raya PN Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berhubung ucapannya di Jitra, Kedah pada dua hari sebelumnya.

Pada 3 Ogos, Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) sebagai peneraju SMG menyaman mereka yang melempar fitnah terhadap usahanya memulihara dan membangunkan Sungai Klang.

Tolak tohmahan projek Sungai Klang

SHAH ALAM - Berjaya Land Berhad memberi penjelasan terperinci bagi menerangkan kedudukan sebenar pembangunan Sungai Klang sekali gus menangkis fitnah berkaitan projek tersebut.

Berikut intipati penerangan mengenai Gerbang Maritim Selangor (SMG):

- Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI tidak menjual 55 peratus sahamnya dalam anak syarikat miliknya kepada Berjaya Land
- Syarikat bertujuan khas Landasan Lumayan Berjaya Sdn Bhd (LLBSB) dibentuk melalui usaha sama Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB, 45 peratus), anak syarikat penuh MBI, dan Berjaya Hartanah Berhad (55 peratus)

- Selain membersihkan dan membangunkan Sungai Klang, usaha sama itu juga untuk menyediakan projek perumahan mampu milik
- Projek SMG mendapat pengiktirafan Green World Awards 2023 atas usahanya membersihkan Sungai Klang
- Berjaya Land dan/atau syarikat berkaitannya tidak pernah mendapatkan atau diberikan tanah seluas 600 ekar bernilai RM10 bilion
- Beberapa bidang tanah seluas 103.6 ekar diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada LLBSB setelah tanah tersebut didapati bersesuaian untuk pembangunan
- Berjaya Land dikehendaki mengumpul dana untuk membayar premium bagi pemindahan hak milik

tanah tersebut berdasarkan kadar harga pasaran

- Berjaya Land dan/atau syarikat berkaitannya tidak mendapat tanah 600 ekar
- Negeri Selangor tidak mengalami kerugian RM180 juta daripada tanah yang diberikan itu
- Hanya 103.6 ekar tanah diluluskan untuk usaha sama tersebut dan akan menjelaskan premium tanah RM113.1 juta mengikut nilai pasaran semasa seperti ditentukan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta

Pada 3 Ogos, LLSB mengambil tindakan undang-undang terhadap seorang aktivis politik yang membuat tuduhan tidak berasas.

Lanjut jualan murah setahun lagi

PETALING JAYA - Program jualan murah yang diperkenalkan sejak September tahun lalu akan dilanjutkan hingga akhir tahun depan, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau berkata langkah meneruskan Jualan Ehsan Rahmah (JER) dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dibantu kedudukan kewangan negeri yang kukuh.

"Dulu sempat saya bergurau (ketika) telur tidak ada. Saya pastikan bekalan telur selamat. Bukan hanya selamat di pasaran tapi bawa kepada penduduk dengan lori, dengan harga murah.

"Sekarang JER beri bantuan daripada lima kepada 16 barang untuk rakyat. Empat juta penduduk dianggar mendapat nikmat program ini," katanya dalam ceramah di Taman Medan pada 6 Ogos.

JER dikendalikan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kilogram (RM25) dan beras lima kilogram (RM10).

Bukan tabur janji

Rancangan teratur rancakkan ekonomi

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

KUALA LANGAT - Tawaran Kita Selangor: 5 Tekad untuk 5 Tahun daripada Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) memiliki pelan teratur demi kemajuan negeri, bukan sekadar menabur janji.

Mengambil contoh pembinaan jajaran rel dari lapangan terbang ke Tanjong Sepat dan Sungai Pelek, pengerusi HARAPAN Selangor percaya projek tersebut mampu merancakkan ekonomi.

Dato' Seri Amirudin Shari yakin projek berkenaan mampu meningkatkan nilai hartanah kedua-dua kawasan selain mengurangkan anak muda berhijrah ke bandar untuk bekerja.

"Ini semua dibuat kerana kita ada pelan dan perancangan yang teratur. Sebab itu, apabila saya tengok tawaran dibuat PN (Perikatan Nasional), mereka tidak fikir bagaimana mahu menyelamatkan dan bangunkan ekonomi.

"Tawaran (PN) jadi macam 'santa claus', mahu bagi RM2,000, RM500, RM300. Apa lagi istimewa? Inikah yang mahu jadikan Selangor sebagai 'super state'?" katanya dalam ceramah pada 8 Ogos.

Dato' Menteri Besar itu menambah Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang diumumkan Julai tahun lalu turut merangsang ekonomi negeri menerusi beberapa projek utama di Sepang dan

Kuala Langat.

Beliau menjelaskan projek Wilayah Pembangunan Bersepadu Selatan (ID-RISS) seluas 16,000 hektar bakal mewujudkan pelabuhan ketiga, hab logistik dan kawasan perkilangan baharu.

"Di Kuala Langat dan kawasan sekitar pula menghimpunkan syarikat kertas kitar semula terbesar di Asia Pasifik. Ini bukti kita ada rencana, bukan hanya gada dan jual janji," katanya.

Pada 31 Julai, Amirudin melancarkan Tawaran Kita Selangor: 5 Tekad untuk 5 Tahun merangkumi banyak sektor penting bagi meneruskan kemajuan sedia ada.

Sebahagian kandungan yang terdiri daripada lima teras telahpun dimulakan pentadbiran Dato' Menteri Besar itu manakala ada program termuat dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Amirudin berkata rakyat menyambut baik manifesto HARAPAN-BN antaranya bantuan RM1,000 kepada wanita berkecayaan serta insentif RM2,000 kepada 3,000 jemaah haji muassasah.

"Sambutan sangat baik termasuk cadangan landasan rel kereta api seperti LRT (Transit Aliran Ringan) dan MRT (Transit Aliran Deras) sampai Kuala Selangor selain pembangunan tiga kawasan bandar.

"Beberapa solusi tambahan antaranya 200,000 pelajar PTRS (Program Tuisyen Rakyat Selangor), latihan TVET kepada 10,000 pelajar dan 100,000 peluang kerjaya," katanya.

ECO BUSINESS PARK V

**ECO BUSINESS PARK V
DI MANA KEJAYAAN BERMULA!**

NORTH GATE Tanah Perindustrian Dari 1 Ekar Ke Atas

Selamat datang ke taman perindustrian yang dibina untuk kejayaan perniagaan anda. Bermula dari tapak sebesar 1 ekar ke atas, North Gate menyediakan peluang unik untuk anda dengan ruang dan persekitaran yang sesuai untuk perniagaan anda berkembang maju. Nikmati diskaun Bumiputera 10% sekarang!

PARAGON PINNACLE SDN BHD (1098122-T)
EcoWorld Gallery # Eco Business Park V
Lot 6232, Persiaran Moklis, Daboh,
Eco Gamleor, 42100
Bandar Puncak Alam, Selangor.
E.ecobusinesspark@ecoworld.my

Nikmati perkhidmatan bertaraf antarabangsa dan bantuan pakar setiap hari

Isnin - Jumaat 9pg - 6pg
Sabtu/Ahadi dan Cuti Awam 10pg - 6pg

+603 3270 2525
www.ecoworld.my

ECOWORLD
CREATING TOMORROW & BEYOND

KWSP
EPF

Kesemua reker dan gambar di dalam risalah ini adalah gambaran artis sahaja. Pihak Penerima berhak untuk mengahuisai apa-apa bahagian bangunan sebelum ia disiapkan seperti yang telah diarahkan atau dipentrujui arsitek dan / atau pihak berkuasa yang relevan. Kesemua pelari, sukan atur, informasi dan spesifikasi tertakluk pada sebarang perubahan dan tidak boleh diambil kira sebagai suatu tawaran atau sebahagian dari kontrak. Pihak penerima berhak untuk mengahuisai, memutar atau mengahuisai kesemua informasi di dalam ini tanpa pembetulan. Bilamana kesemua langkah telah diambil apabila mengeluarkan informasi ini, Pihak Penerima tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk apa-apa variasi. Untuk mengahuisai sebarang kegunaan mengenai sukan atur, informasi dan spesifikasi, sila rujuk kepada Perjanjian Jual Beli.

Beku passport jika Adlan tidak pulang

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan meminta bantuan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk membeku passport dua lelaki termasuk Datuk Muhammad Adlan Berhan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata tindakan tersebut bagi memastikan menantu Tan Sri Muhyiddin Yassin itu dan seorang lagi lelaki dibawa pulang seterusnya dibawa ke mahkamah.

"Kita mengesyaki mereka berada di sebuah negeri (di luar negara), maka tindakan yang boleh diambil adalah meminta JIM membekukan passport kedua-duanya sekiranya masih gagal memberi sebarang maklum balas," katanya dalam sidang akhbar pada 9 Ogos.

Sementara itu, melalui peguamnya, Adlan yang berkahwin dengan anak pengerusi Perikatan Nasional menafikan melarikan diri, sebaliknya mendakwa meninggalkan negara ini secara sah, lapor Malaysiakini.

Tidak wajar tema Selangor Baharu

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyifatkan manifesto Perikatan Nasional (PN) Selangor sekadar propaganda dan tiada idea kandungan baharu.

Beliau menegaskan tema 'Selangor Baharu' juga tidak wajar digunakan pihak lawan jika sekadar 'salin dan tampal' daripada tawaran Pakatan Harapan (HARAPAN)-Barisan Nasional negeri.

"Mana ada benda baharu (manifesto PN), kalau ada pun cuma satu, dua. Kalau hendak kata Invest Selangor bawa pelaburan berteknologi tinggi, itu sejak dahulu lagi.

"Mereka (PN) propagandakan Selangor Baharu kalau mahu sambung sahaja (program sedia ada). Ini propaganda kosong atau salah tema," katanya dalam Podcast Keluar Sekejap pada 7 Ogos.

Beliau berkata tawaran negeri dicetuskan secara berpasukan berpandu pengalaman kedua-dua gabungan mentadbir dengan meletakkan kebajikan rakyat sebagai keutamaan.

Mengulas corak pentadbiran Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dalam pentadbiran negeri sebelum ini, Amirudin tidak menafikan mantan Dato' Menteri Besar itu seorang yang terlalu berhati-hati hingga lambat membuat keputusan.

Mengapa lari jika tidak bersalah?

SHAH ALAM - Tiada sebab untuk melarikan diri daripada siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jika tidak bersalah, tegas Perdana Menteri Datuk Anwar Ibrahim.

Merujuk usaha SPRM mencari menantu Tan Sri Muhyiddin Yassin dan seorang lagi lelaki, beliau berkata tindakan sedemikian hanya memberi tanggapan negatif kepada masyarakat.

"Kalau ada bukti, siasat, dia (SPRM) dakwa, kalau rasa tak salah pertahanlah (diri). Lari bukan contoh yang baik.

"Jadi kamu (PN) kena jaga hal ini. Kerana jumlah (wang) yang dikaitkan de-

ngan rasuah itu banyak.

"Jadi soal (slogan) bersih itu, PAS, Bersatu dan Perikatan Nasional tidak boleh guna kerana terlalu terpalit dengan rasuah," katanya seperti dilapor Astro Awani pada 8 Ogos.

Pengarah Komunikasi Pakatan Harapan Fahmi Fadzil pula berkata Muhyiddin perlu memberi penjelasan dan memberitahu SPRM kedudukan atau lokasi menantunya, lapor Bernama.

"Tan Sri Muhyiddin kena jawab isu ini...beliau kena jawab dan saya cabar Tan Sri bantu SPRM cari menantunya untuk bantu siasatan," katanya dalam

ceramah di Meru, Klang pada 8 Ogos.

Setakat 9 Ogos, Muhyiddin enggan memberi ulasan perihal menantunya Datuk Muhammad Adlan Berhan sedang dikesan SPRM.

Pada Februari, beliau menafikan terlibat memberi kontrak Sistem Imigresen Bersepadu Nasional (NIISe) bernilai RM1 bilion kepada IRIS Corporation Berhad yang dikaitkan dengan Adlan.

Menyatakan ahli keluarganya tiada hubungan dengan IRIS Corporation Berhad sama ada sebagai pengarah atau pemegang saham, Muhyiddin berkata urusan itu dibuat secara tender terbuka.

Gagal hubungi, terbang ke luar negara

Menantu Muhyiddin dikehendaki SPRM

SHAH ALAM - Dua lelaki termasuk menantu Tan Sri Muhyiddin Yassin lari ke luar negara selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyenaraikan mereka sebagai orang dikehendaki.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki menjelaskan pihaknya banyak kali cuba menghubungi mereka tetapi kedua-duanya gagal hadir membantu siasatan, lapor Berita Harian pada 9 Ogos.

"Kedua-dua mereka ini juga diper-

lukan untuk tindakan (pendakwaan) mahkamah. Mereka disenarai dalam orang dikehendaki apabila gagal hadir," katanya.

Ditanya kemungkinan mereka hanya melancong, Azam memberitahu: "Anda fikir jika kita keluarkan 'wanted list' (orang dikehendaki) mereka melarikan dirilah."

Beliau berkata SPRM juga akan memohon notis merah untuk meminta bantuan polis antarabangsa (Interpol)

dalam masa terdekat, lapor Utusan Malaysia pada hari sama.

Pada 7 Ogos, SPRM membuat kenyataan untuk mengesan dua lelaki termasuk Muhammad Adlan Berhan, menantu kepada Pengerusi Perikatan Nasional itu.

Mereka dikesan bagi membantu siasatan kes penyelewengan projek pendaftaran, pengambilan dan penyimpanan biometrik pekerja asing bagi sebuah kementerian.

Profesor Melayu tolak calon fitnah

SHAH ALAM - Pertubuhan Profesor G70 menyeru pengundi di enam negeri supaya menolak calon yang menggunakan fitnah, memainkan sentimen agama dan kaum termasuk melaga-lagakan rakyat.

Pengerusinya berkata gabungan yang didukung 72 profesor Melayu itu mengajak rakyat menolak ahli politik yang mengkhianati amalan demokrasi demi kedudukan politik dan kepentingan diri.

Prof Datuk Ir Dr Wan Ramli Wan Daud menambah pihaknya meminta pengundi supaya menyokong

calon yang memiliki prinsip integriti, amanah serta bebas gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Beliau menjelaskan calon dari pakatan politik yang berupaya mengembalikan maruah negara, menegakkan keadilan, meningkatkan keharmonian kaum dan membaik pulih ekonomi harus disokong.

"Kami berpendirian pakatan politik yang mendukung Kerajaan Perpaduan yang diketuai Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah yang paling layak untuk menerima mandat baru," katanya pada 9 Ogos.

Mereka antaranya Profesor Emeritus Sasterawan Negara Dr Muhammad Haji Salleh, Profesor Emeritus Datuk Dr Ahmat Adam, Profesor Emeritus Dr Shaharir Mohamad Zain, Profesor Dato' Dr Mohd Redzuan Othman dan Profesor Dato' Seri Dr Md. Salleh Yaapar.

Teks deklarasi itu dibacakan Timbalan Pengerusi G70 Prof Emeritus Datuk Ir Dr Hassan Basri.

Ir Dr Wan Ramli juga menyifatkan Kerajaan Perpaduan dalam masa singkat menunjukkan urus tadbir baik, kestabilan politik dan memupuk perpaduan rakyat berbilang kaum di Malaysia.

WAKTU SOLAT	10 - 16 OGOS 2023 23 - 29 MUHARAM 1445	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
10 Khamis	5:51	6:01	7:11	1:21	4:40	7:28	8:40	5:52	6:02	7:12	1:22	4:41	7:28	8:40	5:53	6:03	7:12	1:24	4:42	7:30	8:42	
11 Jumaat	5:51	6:01	7:10	1:21	4:39	7:28	8:39	5:52	6:02	7:12	1:22	4:40	7:28	8:39	5:53	6:03	7:12	1:24	4:42	7:30	8:42	
12 Sabtu	5:51	6:01	7:10	1:21	4:39	7:28	8:39	5:52	6:02	7:12	1:22	4:40	7:28	8:39	5:53	6:03	7:12	1:23	4:41	7:30	8:42	
13 Ahad	5:51	6:01	7:10	1:21	4:38	7:27	8:39	5:52	6:02	7:11	1:22	4:39	7:27	8:39	5:53	6:03	7:12	1:23	4:41	7:30	8:41	
14 Isnin	5:51	6:01	7:10	1:21	4:38	7:27	8:38	5:52	6:02	7:11	1:21	4:39	7:27	8:38	5:53	6:03	7:12	1:23	4:40	7:29	8:41	
15 Selasa	5:51	6:01	7:10	1:21	4:37	7:27	8:38	5:52	6:02	7:11	1:21	4:38	7:27	8:38	5:53	6:03	7:11	1:23	4:39	7:29	8:40	
16 Rabu	5:51	6:01	7:10	1:20	4:37	7:26	8:38	5:52	6:02	7:11	1:21	4:38	7:26	8:38	5:53	6:03	7:11	1:23	4:39	7:29	8:40	

Peruntukan agama bertambah

Dakwah meningkat tahun ke tahun

SHAH ALAM - Pelbagai program memperkukuh institusi tahfiz dibuat menerusi peruntukan tahunan berjumlah jutaan ringgit, kata Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (Pitas).

Pengerusinya Muhammad Hafiz Muhammad Haneefa berkata dana RM10 juta diberi setiap tahun bagi membaiki bangunan dan menyalur pelbagai biasiswa serta bantuan kewangan lain sejak 2008.

Beliau menjelaskan kerajaan pimpinan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari juga mengadakan program fast track Sijil Pelajaran Malaysia untuk pelajar tahfiz sejak 2018.

"Pelajar tahfiz belajar secara percuma pada hari hujung minggu di 12 pusat pengajian terpilih dengan peruntukan RM2 juta setahun," katanya seperti

dilapor Bernama pada 2 Ogos.

Muhamad Hafiz juga difahamkan pentadbiran negeri merancang untuk menubuhkan sembilan maahad tahfiz integrasi melibatkan semua sembilan daerah negeri berkenaan.

Ada lima institusi sedemikian di Selangor. Pitas dianggotai 478 sekolah agama persendirian yang diduduki lebih 22,000 pelajar.

Pemerhatian Ketua Institut Maqasid Syariah Jabatan Kecemerlangan Penyelidikan Universiti Selangor (Unisel) mendapati program dakwah meningkat dari tahun ke tahun.

Hasri Harun berkata dana untuk institusi Islam juga bertambah selain ada usaha mengangkat mutu sekolah aga-

ma persendirian.

"Namun jika ada satu dua kes pusat tahfiz yang diambil tindakan, dikatakan pula sebagai usaha untuk menyenyapkan agama Islam," katanya.

Dari 2018 hingga 2022, Selangor memperuntuk RM1.4 bilion bagi mengukuh syiar Islam termasuk membelakabajikan kakitangan masjid selain menyediakan dana untuk institusi agama.

Antaranya elaun, sumbangan khas perayaan dan caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) kepada 4,200 guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (Kafa).

Kegiatan agama juga rancang antaranya Festival Turath Islami Selangor, Muzakarah Ulama-Umara dan Majlis Zikir Darul Ehsan melibatkan tokoh tempatan dan luar negara.



Konsep digital permudah urusan

SHAH ALAM - Kerajaan Perpaduan Selangor sedia mendigitalkan sepenuhnya semua perkhidmatan bagi memudahkan urusan individu, syarikat dan agensi negeri ini.

Dato' Menteri Besar berkata perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) juga akan ditingkatkan melalui penubuhan pusat sehenti (OSC) bagi menyelesaikan masalah kritikal dalam tempoh 24 jam.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan perkara itu menjadi keutamaan pentadbiran ini selari tekad ketiga dalam Tawaran Kita Selangor iaitu perkhidmatan kerajaan yang cekap dan efisien.

"Gabungan perpaduan bersedia untuk mendigitalkan sepenuhnya kesemua perkhidmatan kerajaan untuk memudahkan rakyat menerima perkhidmatan," tulisnya di Twitter pada 7 Ogos.

Pada 31 Julai, Amirudin yang juga pengerusi Pakatan Harapan negeri melancarkan Tawaran Kita Selangor: 5 Tekad untuk 5 Tahun yang merangkumi banyak sektor penting bagi meneruskan kemajuan sedia ada.

Sebahagian kandungan yang terdiri daripada lima teras telahpun dimulakan pentadbiran Dato' Menteri Besar itu manakala ada program termuat dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

HARGA BUMIPUTERA

BERMULA DARI PADA RM 475,200*

(Selepas 10% Diskaun Bumiputera)

SE-RUANG

Square

ECO SANCTUARY

KEDAI PEJABAT STRATA

UNIT TERHAD

Eco Sanctuary Sdn Bhd (1076483-V)
EcoWorld Gallery @ Eco Sanctuary
Lot 41296, Persiaran Eco Sanctuary,
42500 Telok Panglima Garang,
Selangor Darul Ehsan.
Waze : Eco Sanctuary Sales Gallery

Nikmati perkhidmatan bertaraf dunia dan bantuan pakar daripada kami setiap hari.

Isnin hingga Jumaat 9pg - 6ptg
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum 10pg - 6ptg

+603 8688 2255
www.ecoworld.my

duduk
ECOWORLD

Penilaian: Maklumat yang terkandung dalam iklan ini tertakluk pada perubahan dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Semua lukisan realistik adalah gambaran pelukis sahaja. Semua skruan adalah anggaran. Walaupun sewaktu penyediaan iklan semua perhalian sewajarnya telah diberikan, pemaaju tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya terdapat ketidaktepatan. Semua item di atas adalah tertakluk pada perubahan, ubah suai dan penggantian yang mungkin diperlukan oleh Pihak-pihak Berkuasa atau disyorkan oleh Arkitek atau Jurutera. *Tertakluk pada terma dan syarat.

Harga internet lebih murah September

SHAH ALAM - Semua penyedia perkhidmatan internet jalur lebar diarah supaya mengurangkan harga internet mulai September depan, kata Menteri Komunikasi dan Digital Fahmi Fadzil.

Beliau berkata ia selaras dengan pelaksanaan Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian yang menyaksikan harga borong internet dikurangkan dan menjadi lebih murah, lapor Bernama.

"Untuk memastikan rakyat mampu menikmati perkhidmatan internet yang terbaik, banyak perkara telah kerajaan usahakan termasuk internet prabayar yang lebih murah.

"Dulu RM10 sekarang RM5, malah internet jalur lebar juga lebih murah," katanya dalam ceramah di Ukay Perdana pada 6 Ogos.

Dalam program sama, Fahmi turut mengulangi amaran kepada mana-mana pihak yang terus memainkan sentimen sensitiviti kaum, agama dan institusi diraja dikenakan tindakan undang-undang.

Yakin menang majoriti dua pertiga

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari yakin gabungan Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) bakal memperoleh kemenangan majoriti dua pertiga sekali gus membentuk kerajaan.

Beliau percaya gabungan itu berupaya menang antara 38 hingga 40 daripada 56 kerusi dalam pilihan raya negeri, malah BN dilihat mampu memperoleh lebih enam kerusi, lapor Bernama.

Sebelum pembubaran, HARAPAN ada 40 kerusi (PKR-19, DAP-15, Amanah-enam), BN (lima), Bersatu (empat), Parti Bangsa Malaysia (PBM) (dua) manakala PAS, Pejuang dan Warisan masing-masing satu kerusi serta seorang wakil rakyat Bebas.

Satu lagi kerusi, DUN Batang Kali, diisytiharkan kosong setelah wakil rakyatnya tidak hadir ke persidangan DUN lebih enam bulan.

Sambutan baik di utara negeri

KUALA SELANGOR - Dato' Menteri Besar melihat penerimaan pengundi terhadap Pakatan Harapan (HARAPAN) di utara negeri bertambah baik sepanjang kempen pilihan raya negeri (PRN).

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan hal itu disumbang usaha berterusan daripada jentera parti, selain latar belakang calon dan penyandang kerusi yang meyakinkan.

"Saya lihat ada 'mood' yang baik di sini. Kita tidak pernah melupakan kawasan di utara Selangor. Kita akan terus bekerja kerana setiap undi itu amat bernilai.

"Saya harap semua orang dapat turun mengundi untuk pastikan memilih kesinambungan kemajuan kita," katanya di Sekinchan pada 8 Ogos.

Teliti upah pekerja p-panggilan

SHAH ALAM - Kerajaan bersetuju meningkatkan dana bagi inisiatif dan latihan peningkatan kemahiran penghantar barangan (p-panggilan) yang diterajui Kementerian Sumber Manusia.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata keputusan itu hasil perbincangan bersama syarikat pengendali perkhidmatan berkenaan, yang turut memberi komitmen untuk lebih telus dalam kiraan upah.

"Penelitian lanjut ini penting dalam menambah baik kadar upah penghantar dengan kepentingan pengguna khususnya di luar bandar harus kekal diutamakan agar tidak terbeban, di samping turut mengambil kira keupayaan syarikat.



"Ikhtiar ini membuktikan kerajaan peka dan mengambil berat kepentingan semua pihak dalam meningkatkan pendapatan rakyat dan memastikan kesinambungan perniagaan," katanya dalam kenyataan pada 8 Ogos.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan perjumpaan bersama 24 syarikat pengendali yang turut disertai beberapa menteri dan pegawai kanan dibuat susulan maklum balas rakan penghantar yang diajukan kepadanya dalam satu pertemuan pada 22 Julai.

"Perbincangan antaranya berkisar tentang pendapatan penghantar, jaringan keselamatan sosial serta keperluan latihan peningkatan kemahiran.

"Saya turut mendengar pandangan dan aduan daripada syarikat pengendali yang beroperasi di luar Lembah Klang, yang tertumpu kepada perkhidmatan di luar bandar," katanya lagi.

Pentadbiran sehaluan negeri-pusat

Lancar tunai janji untuk rakyat

Oleh **NAEEM RAFFI**

SHAH ALAM - Tawaran Kita Selangor: 5 Tekad untuk 5 Tahun mampu dicapai berdasarkan kejayaan Pakatan Harapan (HARAPAN) memerintah sepanjang penggal lalu.

Pensyarah kanan sains politik di Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi Universiti Teknologi Mara yakin manifesto itu mudah dilaksanakan berikutan pentadbiran negeri dan pusat sehaluan, lapor Berita Harian.

"Kalau melihat pencapaian yang ada ini, saya tidak nampak ia mustahil untuk direalisasikan. Rekod terdahulu pun, Kerajaan Selangor antara yang cemerlang.

"Dengan manfaatnya diterima sejak dari budak lahir sampai mati. Jadi yang



diumumkan mungkin penawaran baharu iaitu rancangan (Dato' Seri) Amirudin (Shari) membawa negeri ke fasa kedua.

"Bayangkan pula ketika ini apabila Selangor dan kerajaan pusat sudah selari," kata Mujibu Abd Muis pada 3 Ogos merujuk kemampuan Selangor dari 2008 hingga 2018 membangun tanpa Putrajaya.

Penganalisis politik yang juga Pengurus Besar (Penyelidikan) Institut Darul Ehsan (IDE) Khairul Ariffin Mohd Munir juga percaya tawaran itu menyeluruh dan menepati kehendak rakyat.

Beliau menambah tawaran berkenaan mencakupi usaha menangani masalah ekonomi termasuk kos sara hidup yang semakin menekan hidup rakyat berikutan isu harga barangan.



"Anak muda pula terkait dengan peluang pekerjaan lebih luas. Maka, tawaran berkenaan nampaknya menjurus kepada yang dihasratkan rakyat kini," katanya lagi.

Katanya, usaha membantu anak muda termasuk peluang pekerjaan dan elaun latihan industri boleh diperkukuh dengan mengembangkan skim bantuan 'mentoring' dan penambahbaikan kemahiran.

Pada 31 Julai, Amirudin yang juga Dato' Menteri Besar dan pengerusi HARAPAN Selangor melancarkan tawaran mengandungi lima teras meliputi 53 inisiatif merangkumi sektor penting.

Sebahagian kandungan tersebut telahpun dimulakan dalam lima tahun pentadbiran beliau manakala ada program termuat dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Pilih gabungan beri banyak manfaat

PETALING JAYA - Rakyat Selangor wajar memilih gabungan Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) supaya lebih banyak hasil negeri diagih.

Dato' Menteri Besar berkata segala usaha pentadbiran sedia ada akan mempunyai kesinambungan, seterusnya rakyat bakal menikmati lebih banyak manfaat.

"Kita boleh melanjutkan dan menjadikan kesinambungan kepada kejayaan ekonomi dan kemajuan negeri. Ini untuk kita pulihkan semula negara. Hendak pulihkan kena bersatu

hati, sepakat.

"Jadi, kena sokong HARAPAN dan bersama persekutuan. Sama-sama duduk, lupakan sengketa lama dan pulihkan negara selepas pandemik Covid-19 dan Langkah Sheraton yang rosakkan politik negara," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Berucap dalam program Ceramah Umum Perpaduan DUN Taman Medan pada 6 Ogos, pengerusi HARAPAN Selangor berkata kemajuan sedia ada akan ditambah baik untuk menjamin kebajikan rakyat.

"Program-program yang ditawarkan akan disambung. Kita tambah baik mana yang perlu dan pastikan rakyat dapat manfaat," katanya lagi.

Pada 31 Julai, Amirudin yang juga calon Sungai Tua melancarkan Tawaran Kita Selangor: 5 Tekad untuk 5 Tahun merangkumi banyak sektor penting bagi meneruskan kemajuan sedia ada.

Sebahagian kandungan yang terdiri daripada lima teras telahpun dimulakan pentadbiran negeri, manakala ada program termuat dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Amirudin teruskan pencapaian Khalid

Prestasi cemerlang

SHAH ALAM - Pakar ekonomi Profesor Dr Barjoi Bardai mengakui program ekonomi, pengurusan kewangan dan pentadbiran Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari lebih baik daripada pendahulunya Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

"Dengan penerusan disiplin pengurusan kewangan berhemah beserta pemerintahan yang bersih, kita juga dapat saksikan rizab simpanan Selangor meningkat (sehingga RM3.7 bilion)," kata ahli akademik Universiti Tun Abdul Razak pada 7 Ogos.

Beliau memberitahu agensi berita Bernama, zaman pentadbiran Mohamed Azmin juga menyaksikan penurunan ekonomi Selangor berbanding menteri besar sebelumnya Tan Sri Khalid Ibrahim.

Sementara itu, Ketua pegawai eksekutif Invest Selangor Berhad menjelaskan Selangor pada tahun lalu menarik pelaburan yang diluluskan sebanyak RM60.1 bilion.



Dato' Hasan Azhari Idris percaya pencapaian Selangor bawah pentadbiran Amirudin perlu diberi perhatian apabila berjaya menarik 1,392 projek yang menghasilkan 89,568 peluang pekerjaan dalam sektor perkilangan sejak 2018.

Beliau yakin Rancangan Selangor Pertama (RS-1) yang digagaskan Amirudin mampu menjadi dokumen yang memandu hala tuju pembangunan dasar ekonomi dan sosioekonomi negeri ke tahap lebih tinggi.

"RS-1 dirangka berpandukan strategi dan inisiatif jangka pendek, sederhana dan panjang, bagi mencapai wawasan untuk menjadikan Selangor sebagai sebuah negeri pintar, makmur dan berdaya huni menjelang tahun 2025," katanya.

Beberapa fakta menarik pencapaian tiga menteri besar sebagai perbandingan:

Keluaran Dalam Negara Kasar

- Khalid - meningkat 23.7 peratus (2013)
- Azmin - merosot hingga 22.6 peratus (2015)
- Amirudin - memuncak 25.5 peratus (2022)

Pelaburan sektor pembuatan

- Khalid - RM11.73 bilion (2012)
- Azmin - jatuh hingga RM5.59 bilion (2017)
- Amirudin - lonjak RM18.43 bilion (2020)

Rizab Kerajaan Negeri

- Khalid - RM3.2 bilion (2014)
- Azmin - jatuh hingga RM2.8 bilion (2017)
- Amirudin - lonjak RM3.7 bilion (2022)

Hutang negeri terkumpul kepada kerajaan persekutuan

- Khalid - RM0.9 bilion (2013)
- Azmin - bertambah hingga RM1.1 bilion (2017)
- Amirudin - kurang RM0.5 bilion (2021)

PN hanya ghairah tukar kerajaan

GOMBAK - Perikatan Nasional (PN) dilihat lebih gemar bermain naratif untuk menukar kerajaan persekutuan berbanding memulihkan ekonomi jika menang pilihan raya di enam negeri.

Dato' Menteri Besar berkata pendekatan itu berbeza dengan Pakatan Harapan (HARAPAN) yang menumpukan usaha menyelamatkan negara selepas berdepan pelbagai krisis terutama pandemik Covid-19.

"Lawan kita PN bukan sibuk hendak selamatkan negara, pulih ekonomi atau jadikan negeri bertambah baik selepas pandemik, yang mereka fikir menang di Selangor nak jatuhkan kerajaan persekutuan.

"Isu penting sekarang pulihkan ekonomi, rakyat kena bersatu-padu dan bersama-sama kita. Bukan tukar perdana menteri, tukar kerajaan," kata Dato' Seri Amirudin Shari dalam ceramah pada 8 Ogos.

Pengerusi HARAPAN negeri berkata Selangor berperanan penting untuk memulihkan semula ekonomi negara berikutan menjadi penyumbang terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lalu.

Malah, jelasnya, Tawaran Kita Selangor: 5 Tekad untuk 5 Tahun yang diumumkan pada 31 Julai turut menekankan 19 usaha pentadbiran bagi program ekonomi.

MENGUKIR PENGALAMAN, MEWARNAI KEHIDUPAN

Alira

SUBANG JAYA

Alami kehidupan moden yang seimbang di Alira, terletak di tengah-tengah bandar Subang Jaya. Menawarkan lebih daripada 40 jenis fasiliti yang mengagumkan, termasuk ruang kerja bersama serta akses terus ke taman sentral, Alira adalah pilihan muktamad untuk keluarga yang mendambakan gaya hidup sofistikated dalam persekitaran semula jadi yang tenang.

Bersebelahan Sekolah Antarabangsa Sri KDU

Ruang Kerja Bersama

Lebih Daripada 40 Jenis Fasiliti

Akses Terus Ke Taman Sentral

Kehidupan Berinspirasi Resort

10km Ke Taman Tema Lagoon

Ilustrasi adalah ilham artis sahaja.

an AyalaLand company
www.avaland.com.my

Next Delta Sdn Bhd (1130397-A)
A subsidiary of Avaland Berhad (881786-X)
(Formerly known as MCT Berhad)
T: +603 5115 9988

Avaland Gallery, Taipan USJ
E: alira@avaland.com.my
W: alira.my

+6011 1722 5551
 Alira At Subang Jaya

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA
Pemaju: Next Delta Sdn. Bhd. (1130397-A) • No. Lesen Pemaju: 20185-1/11-2023/0837(L) • Tempoh Sah: 19/11/2021 - 18/11/2023 • No. Permit Iklan: 20185-1/11-2023/0837(P) • Tempoh Sah: 19/11/2021 - 18/11/2023 • Alamat: Lot C-02, Level 2, Skypark @ One City, Jalan USJ 25/1, 47650 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tel: 03 5115 9988 • Pegangan Tanah: Kekal • Gadaian Tanah: Tiada • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Subang Jaya • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBSJ.BGN.BP.2.600-1/10/4/14 • Tarikh Dijangka Siap: Dis 2025 • Bilangan: 492 • Harga Menara A: RM578,916 (Min.) - RM884,286 (Maks.) Harga Blok A: RM978,640 (Min.) - RM1,068,340 (Maks.) • Diskaun Bumiputera: 10% • Sekatan Kepentingan: Tiada
Iklan ini tidak bermaksud dan/atau dianggap sebagai tawaran atau jemputan untuk menawarkan jualan daripada pemaju. Maklumat yang terkandung dalam iklan ini adalah tertakluk pada perubahan, pengubahsuaian dan pemindahan sepertimana yang disyorkan oleh pihak berkuasa berkaitan dan/atau arkitek projek dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Kandungan iklan ini adalah tepat pada masa pencetakan dan pemaju tidak akan bertanggungjawab untuk apa jua kesilapan yang berlaku. Visual yang dipamerkan adalah pada tanggapan artis sahaja dan semua ukuran adalah berdasarkan anggaran. *Tertakluk pada terma dan syarat.*

WARTAWAN: Norrasyidah Arshad, Zareef Muzammil, Nazli Ibrahim, Nadiah Zamulus, Abdul Rahim Sabri, Siti Rohaizah Zainal, Sheeda Fathil, Suhaila Shahrul Annuar, Sofia Nasir, Fitri Hazim Hazam, Azian Aziz, Diana Abd Wahab, Shamz Johan, Nas Norziela Nasbah, Amirul Fazli, Yusliza Yakimir Abd Talib, Najamuddin Mohd Nor, Fhatihah Zakinan, Nina Farzuin Md Sharom dan Juliana Johar

JURUFOTO: Ahmad Zakki Jilan, Hafiz Othman, Fikri Yusof, Remy Arifin, Mohd Yusni Ariffin, Nur Adibah Ahmad Izam, Mohd Arif, Mohd Khairul Helmy Mohd Din dan Afendi Mohamed

Sedia akses terus ke pejabat PM

GOMBAK - Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi akses terus ke Pejabat Perdana Menteri bagi membela rakyat jika calon Pakatan Harapan (HARAPAN) Juwairiya Zulkifli menang kerusi Hulu Kelang.

Presiden Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) itu berkata tawaran tersebut bagi menghargai sumbangan timbalan ketua Wanita KEADILAN tersebut yang sepatutnya bertanding kerusi lain.

"Saya tidak boleh janji banyak tetapi saya boleh katakan jika beliau (Juwairiya) menang, saya beri akses terus ke Pejabat Perdana Menteri," katanya dalam ceramah di Hulu Kelang pada 6 Ogos.

Anwar mengakui memilih Juwairiya bertanding di situ kerana yakin atas keupayaannya untuk bersaing dengan Pengerusi Perikatan Nasional Selangor Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Mahu perbanyak acara e-sukan

KUALA SELANGOR - Calon Barisan Nasional Jeram berhasrat membina pusat sehenti bagi memudahkan anak muda khususnya di sekitar Puncak Alam di sini memperoleh capaian internet percuma.

Datuk Jahaya Ibrahim juga mahu menganjurkan lebih banyak program e-sukan pada masa depan seterusnya mencungkil bakat baharu dari kawasan Dewan Undangan Negeri berkenaan.

Beliau juga menegaskan kepentingan untuk memastikan anak muda menguasai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) seiring perkembangan pendigitalan pada masa ini.

"e-Sukan adalah industri yang meningkat naik secara mendadak dan kini berkembang ke peringkat Sukan Malaysia (Sukma) dan antarabangsa," katanya yang berdepan Harrison Hassan daripada Perikatan Nasional.

Atasi kesesakan Sungai Pelek

SEPANG - Pembinaan jalan baharu dan pintasan di beberapa kawasan sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Pelek membantu menyuraikan aliran trafik yang sesak pada waktu puncak.

Calon Pakatan Harapan kerusi itu Lwi Kian Keong berkata cadangan tersebut ada dimuatkan dalam manifestonya selepas membuat kajian dan meneliti potensi kawasan berkenaan.

"Contohnya untuk menaik taraf jalan di simpang B48, selepas mendapat maklum balas jurutera, kita boleh siapkan dalam masa dua tahun dari sekarang.

"Kandungan lain manifesto lain adalah merencanakan ekonomi setempat, menaikkan industri pelancongan dan pelaksanaan pasar awam," katanya dalam majlis pelancaran pada 6 Ogos.

Gelanggang futsal buat anak muda

KUALA SELANGOR - Lebih banyak kemudahan dibangunkan untuk anak muda khususnya kelengkapan sukan termasuk gelanggang futsal dan taman rekreasi, kata calon Pakatan Harapan Ijok.

Amidi Abdul Manan atau lebih mesra disapa Cikgu Amidi menjelaskan ada banyak permintaan anak muda yang mahukan gelanggang futsal berlampu supaya mereka boleh bermain pada waktu malam.

Bekas presiden Angkatan Belia Islam Malaysia itu juga mahu memperbanyak lagi bilangan dewan serba guna dan taman rekreasi bagi memudahkan penganjuran kegiatan

bermanfaat untuk rakyat.

"Dalam kempen, ada beberapa permintaan daripada anak muda. Insya-Allah, kita akan cuba tunaikan permintaan tersebut," kata bekas pensyarah Universiti Selangor itu.

Beliau ditemui program Liga Sukan Komuniti Daerah Kuala Selangor di Sekolah Kebangsaan Bukit Badong di sini pada 6 Ogos.

Amidi berdepan saingan tiga penjurua menentang calon Perikatan Nasional Jefri Mejan dan Tan Cat Keong (Bebas). Kerusi Ijok dimenangi Parti Keadilan Rakyat sejak 2008.



Sementara itu, calon Barisan Nasional kerusi Semenyih Wan Zulaika Anua pula mahu menitik berat penyelenggaraan berkala kemudahan sukan termasuk padang bola sepak.

Beliau mendapati perkara tersebut banyak dibangkitkan anak muda dalam pertemuan sepanjang kempen berikutan prasarana itu ditumbuhi rumput.

"Kemudahan ini antara perkara yang akan saya beri perhatian bagi memastikan anak muda dapat melakukan kegiatan sukan dengan selesa," katanya di Kampung Sungai Jai, Beranang pada 7 Ogos.

Sedia lampu solar

Selesai naik taraf jalan kampung

KLANG - Lebih 20 jalan sekitar Kampung Bukit Naga dinaik taraf dalam tempoh lima tahun, kata calon Pakatan Harapan Sungai Kandis Mohd Zawawi Ahmad Mughni.

Penyandang kerusi itu menjelaskan enam laluan lagi selesai diturap minggu lepas iaitu Lorong Syazwan, Lorong Haji Tawil, Lorong Takiah, Lorong Haji Kassim dan Lorong Haji Wahab.

Beliau yang juga EXCO negeri menambah kerja turapan yang dijayakan Infrasel Sdn Bhd (Infrasel), syarikat lantikan pentadbiran negeri, menelan kos kira-kira RM200,000.

"Kita sentiasa cakna dengan kemudahan asas penduduk. Sebelum

ini, keadaan jalan berlubang dan be-risiko berlaku nahas," katanya selepas meninjau Projek Turapan Mega di situ pada 7 Ogos.

Mohd Zawawi berkata pentadbiran negeri juga berusaha untuk menyediakan lampu diod pemancar cahaya (LED) atau lampu solar terutama laluan gelap bagi memastikan keadaan lebih selamat.

Memberi tumpuan bagi membaiki jalan rosak, beliau berkata dana RM1 juta daripada Majlis Perbandaran Klang diluluskan bagi menaik taraf Jalan Sekolah dan Jalan Sopan di Johan Setia.



"Jalan ini sudah beberapa kali dibaiki tetapi permukaannya kembali rosak kerana ia menjadi laluan kenderaan berat.

"Penduduk setempat mengadu kerana jalan ini adalah laluan utama ibu bapa berulang alik menghantar anak ke sekolah selain penduduk di perumahan sekitar," katanya.

Beliau turut menaik taraf tempat letak kenderaan di Sekolah Kebangsaan Johan Setia menerusi peruntukan RM40,000 Projek Selangor Penyayang.

Bantu nelayan daftar bantuan

KUALA SELANGOR - Calon Pakatan Harapan kerusi Bukit Melawati memandang serius masalah nelayan yang belum mendaftar sebagai ahli persatuan kelolaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Thiban Subbramianiam berazam untuk menyelesaikan masalah berkenaan bagi mengelak golongan tersebut tercicir daripada menerima bantuan kerajaan persekutuan mahupun pentadbiran negeri.

Beliau menambah banyak manfaat diperoleh jika mereka mendaftar antaranya elaun sara hidup, subsidi diesel, baik pulih dan bina rumah baharu, pinjaman tanpa faedah dan aspek pendidikan.

"Kira-kira 60 peratus nelayan di Bukit Melawati belum mendaftar dengan persatuan. Saya berazam menjadi pemudah cara untuk selesaikan isu yang berpunca akibat kerenah birokrasi.



"Paling penting bila musim tengkujuh, nelayan tidak dapat turun ke laut menangkap ikan dan sudah pasti kerajaan pusat dan pentadbiran negeri akan salur bantuan.

"Saya harap semua nelayan jadi ahli supaya kebajikan mereka terbelah," katanya ketika meninjau jeti nelayan Tanjung Keramat di sini pada 5 Ogos.

Thiban berdepan saingan dua penjurua menentang calon Perikatan Nasional Noorazley Yahya dalam saingan dua penjurua pada pilihan raya negeri 12 Ogos.

Berpadu, stabil, makmur

Pada 12 Ogos ini, lebih 3.7 juta pengundi Selangor akan menentukan Kerajaan Negeri, sama ada gabungan Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) atau Perikatan Nasional (PN).

Termasuk calon dua kumpulan terbesar ini, seramai 147 orang bertanding bagi merebut 56 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Calon-calon itu termasuklah daripada beberapa parti kecil dan Bebas. Senarai lengkap calon di **muka surat 9, 10, 15 dan 16**.

Daripada jumlah ini, HARAPAN-BN mengekalkan 21 penyandang, manakala PN sebagai pembangkang pula mempertahankan

empat penyandang.

Selebihnya calon kali pertama atau yang pernah menyandang beberapa kerusi.

Sebanyak 26 kerusi menyaksikan pertembungan dua penjuror, sementara 25 lagi pertandingan tiga penjuror dan lima perebutan empat penjuror. Persaingan sengit dijangka berlaku antara 10 hingga 20 kerusi.

HARAPAN-BN atau penentangannya PN masing-masing yakin menang. Namun, Kerajaan Negeri yang ditadbir HARAPAN-BN menunjukkan pencapaian ekonomi terbaik dan meluaskan pakej bantuan.

Ramai pemerhati menjangkakan gabungan Kerajaan Perpaduan ini dapat mengekalkan

kedudukannya.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, yang mempertahankan Sungai Tua, menjangkakan gabungannya memimpinnya menguasai 68 hingga 70 peratus kawasan.

Seramai 274,194 orang pengundi muda, berusia 18 hingga 20 tahun, menjadi sasaran kempen sepanjang 14 hari bermula 29 Julai.

Pemerhati politik melihat golongan ini tidak begitu tetap pendiriannya.

Kerajaan Perpaduan di Selangor menawarkan pelbagai tambahan program ekonomi, infrastruktur dan kebajikan hasil rekod pencapaian gemilang selama sepenggal sejak 2018. Lihat **muka surat 11 hingga 14**.

N01 SUNGAI AIR TAWAR

PERIKATAN NASIONAL Cikgu Zaidi Selamat

PERIKATAN NASIONAL Datuk Haji Rizam Ismail



N05 HULU BERNAM

HARAPAN Haji Amran Sakir

PERIKATAN NASIONAL Muiz Mahyuddin



N08 SUNGAI BURONG

PERIKATAN NASIONAL Dr Zamri Mantop

PERIKATAN NASIONAL Ustaz Khir



N02 SABAK

HARAPAN Cikgu Samad Hashim

PERIKATAN NASIONAL Ustaz Sallehen Mukhyi



N06 KUALA KUBU BAHARU

PERIKATAN NASIONAL Henry Teoh

PERIKATAN NASIONAL Chng Boon Lai

HARAPAN Lee Kee Hiong

MUDA Dr Siva



N09 PERMATANG

HARAPAN Pakya

PERIKATAN NASIONAL Nurul Noh Omar



N03 SUNGAI PANJANG

PERIKATAN NASIONAL Mohd Imran bin Tamrin


PERIKATAN NASIONAL Ustaz Razali Saari



N10 BUKIT MELAWATI

HARAPAN Thiban a/ Subbramaniam

PERIKATAN NASIONAL Hj. Azley Yahya



N07 BATANG KALI

PERIKATAN NASIONAL Muhaimin Harith

PERIKATAN NASIONAL Mohd Isa bin Abu Kasim



N11 IJOK

PERIKATAN NASIONAL Jefri bin Mejan

HARAPAN Cikgu Amidi

BEBAS CK Tan



Tidak pasti jangan kongsi



N12 JERAM



Jahaya Ibrahim



Harrison Hassan

N17 GOMBAK SETIA

BEBAS

Mohamed Salim bin Mohamed Ali



Hilman Idham



Megat Zulkarnain Oмарdin



N22 TERATAI



Chew Han Keai



Yew Jia Haur



N13 KUANG



Hasnal Rezua Merican



BEBAS

YB. Salleh Amiruddin



Mohd Rafiq Abdullah

N18 HULU KELANG



Azmin Ali



Juwairiya Zulkifli



N23 DUSUN TUA



Johan Abd Aziz



MUDA

Al Hafiz Ikhwan



Azhar Hambali

N14 RAWANG



R. Rejean Kumar



Chua Wei Kiat

N19 BUKIT ANTARABANGSA

MUDA

Melanie Ting



Sasha Lyna



Kamri Kamaruddin



N24 SEMENYIH



Wan Zulaika Anua



Nushi Mahfodz

N15 TAMAN TEMPLER

MUDA

Aida Rahman



Anfaal Saari



Zaidy Abdul Talib

N20 LEMBAH JAYA



Syed Ahmad @ Altimet



Cikgu Sharifah

N25 KAJANG



David Cheong



Allan Liew Sin Kin



Arul

N16 SUNGAI TUA

BEBAS

Suman Gopal



Hanif Jamaluddin



Amirudin Shari



N21 PANDAN INDAH

MUDA

Lisa Redzuan



Fazil Mohamad Dali (Cik Ton)

BEBAS

Sivaneswaran a/l Ramasundram



Izham Hashim



N26 SUNGAI RAMAL



Shafie Ngah



Haji Mazwan Johar



N27 BALAKONG



Wayne Ong Chun Wei



Steven Lai



Prestasi asas tawaran

Manifesto Tawaran Kita Selangor: Lima Tekad untuk Lima Tahun bukan janji kosong seperti impian pembangkang. Tawaran ini hasil kerja yang sudah terbukti.

Tekad pembangunan Selangor ini yang dijanjikan Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional

(BN) didasarkan pada tapak prestasi seperti Laporan Pencapaian & Prestasi Kerajaan Negeri Selangor.

Dibahagikan kepada sembilan kumpulan sasar, lima tema tawaran berkenaan dibandingkan dengan sebahagian besar pencapaian Kerajaan Selangor antara 2018 hingga 2023.

Tawaran berkenaan

sememangnya menepati kehendak dan keperluan semasa rakyat.

Berbeza dengan janji pembangkang yang belum pasti dapat ditunaikan. Malah, manifesto mereka hasil tiruan atau ubah suai program Kerajaan Negeri, seolah-olah membayangkan pembangkang sudah bersetuju dengan landasan ekonomi HARAPAN-BN.

Lebih 50 tawaran ini dengan mudah mendatangkan kemakmuran untuk seluruh rakyat selagi kestabilan dan perpaduan dikekalkan di Selangor.

Ringkasan manifesto HARAPAN-BN yang dibandingkan dengan pencapaian Kerajaan Negeri dimuatkan dalam **muka surat 11 hingga 14**.

PEMBERDAYAAN KUMPULAN PENDAPATAN RENDAH

TAWARAN KITA SELANGOR

- tambah 46 inisiatif Iltizam Selangor Penyayang kepada 60 inisiatif
- tingkatkan bayaran khairat kematian kepada RM1,000
- insentif RM1,000 untuk petani dan pesawah

PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI



Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor	RM300/bulan kepada yang layak untuk beli keperluan	473.8 juta	139,000
Jelajah Ehsan Rakyat (JER)	Jualan barangan keperluan 30% lebih murah dari pasaran	32 juta	8 juta
Skim Insurans Hayat Selangor (INSAN)	Percuma: insurans kemalangan ditanggung kerajaan	12.7 juta	12 juta
Jom Shopping Perayaan	Baucar RM200 kepada B40 sempena perayaan utama	56.6 juta	400,000
Pusat Kehidupan Berdikari	Pusat latihan kerja untuk OKU belajar hidup berdikari	1.4 juta	72

*Jumlah dibundar kepada ratus ribu atau juta terhampir

UMAT ISLAM

TAWARAN KITA SELANGOR

- subsidi kos tunai haji RM2,000 kepada 3,000 jemaah muassasah kali pertama ke tanah suci
- elaun penggerak masjid naik berperingkat iaitu imam (RM1,600), bilal (RM700), siak (500) dan nazir (RM500)
- perkenal Biasiswa Al-Ghazali untuk pelajar tahfiz, pondok dan sekolah agama rakyat
- perluas pengajian kitab turath ke setiap daerah di Selangor
- permudah daftar sekolah menengah agama Islam
- wujudkan peruntukan khas untuk tingkat infrastruktur sekolah agama dan Kafa
- wujudkan sekretariat khas bantu usahawan daftar sijil halal
- dana tambahan RM3 juta untuk dana guaman syariah bantu wanita



PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Bina atau baikpulih masjid dan surau	Pembinaan baharu atau tambah baik masjid dan surau	185 juta	78 masjid dan 75 surau
Insentif pegawai dan jawatankuasa masjid	Insentif khas kepada nazir, imam, bilal dan siak	13.4 juta	34,339
Elaun dan gaji guru Kafa	Penyelarasan elaun dan gaji minimum	4.8 juta	2,825
Caruman Perkeso	Caruman Perkeso untuk guru Kafa berulang alik ke tempat mengajar	1.1 juta	4,200
Caruman KWSP	Caruman KWSP untuk guru Kafa	5 juta	4,200
Bantuan Sekolah Negeri Selangor	Baik pulih & baiki infrastruktur sekolah	153 juta	4,000
Iltizam Pendidikan Fardhu Ain	Subsidi yuran Kafa RM30 sebulan kepada murid B40	10 juta	39,000
Insentif jemaah haji muassasah	Insentif kepada bakal haji Selangor yang ke tanah suci	13 juta	26,000

ANAK MUDA

TAWARAN KITA SELANGOR

- tawar 100,000 peluang pekerjaan bergaji tinggi kepada anak muda Selangor menerusi pelaburan tempatan dan luar negara
- peluang latihan industri dengan bayaran RM1,500 untuk 2,000 anak muda Selangor
- tawar latihan TVET kepada 10,000 anak muda dengan kerjasama syarikat berteknologi tinggi
- perluas program Inisiatif Roda Darul Ehsan kepada pemandu e-panggilan
- peruntuk RM5 juta untuk Geran Digital Kita Selangor yang menyasarkan 10,000 Duta Kreatif Kita Selangor dalam kalangan anak muda
- perkasa akademi lahirkan bakat untuk juara Piala Malaysia, SUKMA dan Liga Super pada 2025 dan Piala AFC pada 2027
- perkenal liga e-sukan dan pusat e-sukan di seluruh daerah




PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Karnival Kerjaya Mega Selangor	Program tawaran kerja bersama lebih 100 syarikat	1.4 juta	27,000
Iltizam Mahasiswa Selangor	RM1,000 kepada anak Selangor layak ke IPTA/S	18 juta	18,000
Bantuan Yuran Asas Universiti	Kepada anak Selangor B40 & M40 di universiti	4 juta	4,000
Peduli Siswa	Biaya pendidikan anak Selangor di IPTA/S	81 juta	4,000
IKTISASS	Latihan seiring keperluan industri & keusahawanan	107 juta	2,000
Roda Darul Ehsan (RIDE)	Subsidi lesen motor kepada golongan belia dalam e-hailing	8 juta	6,000

MAHASISWA DAN PELAJAR

TAWARAN KITA SELANGOR

- bantuan Mahasiswa Kita Selangor RM1,500 kepada setiap mahasiswa
- bancar Buku Kita Selangor RM200 untuk mahasiswa anak negeri
- sasar 200,000 pelajar terima tuisyen percuma melalui Program Tuisyen Rakyat Selangor
- tawar kelas percuma untuk pelajari bahasa Melayu, Inggeris, Mandarin, Tamil, Jepun dan Korea
- perkenal Biasiswa Al-Ghazali untuk pelajar tahfiz, pondok dan sekolah agama rakyat
- perluas pengajian kitab turath ke setiap daerah di Selangor
- permudah daftar sekolah menengah agama Islam
- wujudkan peruntukan khas untuk tingkat infrastruktur sekolah agama dan Kafa



PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Pusat Tuisyen Rakyat Selangor	Platform belajar atas talian bagi calon SPM & tahun enam	35 juta	167,000
Iltizam Mahasiswa Selangor	RM1,000 kepada anak Selangor layak ke IPTA/S	18 juta	18,000
Iltizam Pendidikan Fardhu Ain	Subsidi yuran KAFA RM30 sebulan kepada murid B40	10 juta	39,000
Bantuan Yuran Asas Universiti	Kepada anak Selangor B40 & M40 di universiti	4 juta	4,000
Peduli Siswa	Biaya pendidikan anak Selangor di IPTA/S	81 juta	4,000
Bantuan Sekolah Negeri Selangor	Baik pulih & baiki infrastruktur sekolah	153 juta	4,000
IKTISASS	Latihan seiring keperluan industri & keusahawanan	107 juta	2,000
SEPINTAS	Program pinjaman komputer bantu pelajar kurang mampu	1.4 juta	600

“Saya pasti tawaran ini akan ditilik oleh lawan kita dalam pilihan raya negeri kali ini daripada Perikatan Nasional. Kemudian mereka akan cuba tiru apa yang kita lakukan. Mereka akan ubah sedikit apa yang kita bentangkan ini kerana realitinya, daripada perjalanan politik, mereka ini hanyalah (kumpulan) 'copy and paste' terhadap apa yang telah ada di dalam negara kita.

Mereka mengaku sebagai suara Melayu, tidak lain tidak bukan hanyalah cuba meniru Umno dan Barisan Nasional. Salinan tawaran ini bukan 'ori' (asli) tetapi 'copy ori' gred C yang tidak layak diberikan taraf untuk mentadbir dan memimpin.

Dato' Seri Amirudin Shari
Pengerusi Pakatan Harapan Selangor

PENERIMA MANFAAT KESIHATAN

TAWARAN KITA SELANGOR

- khidmat Ambulans Selangor Penyayang percuma di setiap pihak berkuasa tempatan
- perluas pemeriksaan percuma Selangor Saring dan program kesihatan mental menerusi aplikasi SELangkah




PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Iltizam Selangor Sihat	Khidmat rawatan asas & perlindungan insurans	227.5 juta	1 juta
Selangor Saring	Percuma: saring tekanan darah, air kencing, gula	2.6 juta	29,000
Selangor Mental Sihat	Saringan awal, subsidi rawatan psikiatri, latihan kaunselor	3.3 juta	530,000
Bantuan Sihat Selangor	Dialisis, alat perubatan, katarak mata, bedah kecil, kaki palsu	30 juta	11,000
Pemeriksaan Kesihatan Mata	Percuma: pemeriksaan mata	200,000	10,000
Ujian Saringan Kanser (SELCan)	Percuma: saringan kanser prostat, kolorektal & rahim	3 juta	9,000
Rawatan tibi	Bantuan kewangan kepada pesakit tibi	4.3 juta	3,000
Skim Kesihatan Wanita MammoSEL	Percuma: mammogram, biopsi & ultrabunyi bagi usia >50	1.1 juta	2,000
Skim Rawatan Jantung	Bantuan kos rawatan jantung sehingga RM50 ribu	32 juta	2,000
Anak Selangor Anak Sihat (ASAS)	Bantuan nutrisi kepada kanak-kanak	2.5 juta	2,000

WANITA & KANAK-KANAK

TAWARAN KITA SELANGOR

- insentif RM1,000 setahun kepada wanita bekerja kurangkan kos asuh anak
- daftar dan latihan pengasuh serta sediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak di pejabat kerajaan
- sedia insentif untuk wujudkan kemudahan penjagaan kanak-kanak di tempat kerja swasta
- dana tambahan RM3 juta untuk dana guaman syariah bantu wanita



PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Skim Bantuan Tadika Selangor	Bantuan yuran tadika bagi anak berumur 5 & 6 tahun sebanyak RM50 sebulan	13 juta	21,000
Iltizam Anak Selangor	Buka akaun SSPN Prime bagi anak lahir mulai tahun 2022 di negeri Selangor, RM100 setahun selama 5 tahun	3 juta	6,000
Asuh Pintar	Bantuan yuran bulanan taska RM100 sebulan kepada anak bawah 4 tahun dari keluarga B40	2.3 juta	3,000
Skim Kesihatan Wanita MammoSEL	Percuma: mammogram, biopsi & ultrabunyi bagi usia >50	1.1 juta	2,000
Iltizam Anak Selangor Istimewa (ANIS)	Bantuan khusus golongan berkeperluan khas di Selangor	10.3 juta	4,000
Dana Bantuan Guaman Selangor	Khidmat guaman percuma bagi kes keluarga & kerja	1.3 juta	31
IMPAK Selangor	Kursus pengasuhan kanak-kanak buat wanita yang mengasuh di rumah	194,000	350

USAHAWAN

TAWARAN KITA SELANGOR

- wujudkan sekretariat khas bantu usahawan daftar sijil halal
- bantu peniaga beralih ke sistem digital



PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Skim Hijrah Mikrokredit	Pinjaman mikrokredit bermula dari RM5 ribu hingga RM10 ribu kepada usahawan	3 juta	37,000
Pengecualian fi lesen penjaja	Untuk penjaja & peniaga kecil di kawasan PBT Selangor	TD**	496,000
Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri	Bantuan berbentuk mesin dan peralatan kepada usahawan kecil sehingga RM10 ribu	12.2 juta	2,000
Dana Usahawan Mikro Selangor	Bantuan perniagaan berbentuk peralatan bernilai sehingga RM30 ribu	13.3 juta	700
Bantuan Peralatan Usahawan India Selangor (i-SEED)	Bantuan berbentuk mesin dan peralatan kepada usahawan komuniti India sehingga RM10 ribu	4.6 juta	600

**Data tidak diperolehi ketika akhbar dicetak

TAWARAN KITA SELANGOR

5 TEKAD UNTUK 5 TAHUN



MENCARI KEDIAMAN SELESA

TAWARAN KITA SELANGOR

- tawar 200,000 unit rumah lengkap tiga bilik dan dua bilik air berharga RM250,000 ke bawah
- sedia 10,000 unit rumah penjawat awam
- pilihan tukar cukai petak dan utiliti air kadar komersial kepada kediaman untuk rumah pertama
- ambil alih pengurusan satu pangsapuri kos rendah setiap daerah untuk tingkat kualiti dan baiki kemudahan awam
- teknologi automasi untuk kutipan sampah
- tawar sistem pengasingan sisa di kawasan perumahan
- bina pusat rekreasi di setiap Dewan Undangan Negeri
- tingkatkan penggunaan kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi awam
- tingkatkan daya tahan taman awam sebagai dwifungsi bagi mengurangkan banjir kilat
- wujudkan tiga perbandaran baharu di Sepang, Sabak Bernam dan sepanjang jajaran Sungai Klang



PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Pengecualian cukai pintu	Kepada pemilik rumah kampung & kos rendah	TD**	2.5 juta
Skim Rumah Selangorku	Kediaman mampu milik pada harga berpatutan kepada pembeli pertama	TD**	26,000
Insurans Pangsapuri Kos Rendah	Beri polisi perlindungan bencana alam, kerosakan bangunan, dan sebagainya	3 juta	39,000
Skim Smart Sewa	Sewa pada kadar berpatutan, sewa dipulangkan 30% sebagai wang pendahuluan beli rumah	255 juta	782
Selangorku To Ownership	Pemilikan rumah Selangorku bagi menyelesaikan isu setinggan	11 juta	250
Program Bina Baru & Baik Pulih Rumah Kerajaan Prihatin	Bina rumah & baik pulih rumah yang alami kerosakan	3 juta	38
Skim Ceria	Baiki kerosakan di pangsapuri kos rendah, khususnya kerosakanancam keselamatan	50 juta	48

**Data tidak diperolehi ketika akhbar dicetak

EKONOMI, PENGGUNA PENGANGKUTAN DAN PENGHUNI BANDAR

TAWARAN KITA SELANGOR

- pusat sehati khas setiap PBT atasi isu kritikal dalam 24 jam
- Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang jadi model pentadbiran Lembah Klang Raya (Greater Klang Valley)
- perluas khidmat bas mini dan van ke seluruh daerah
- hubung jajaran rel di KLIA ke Tanjong Sepat dan Sungai Pelek
- perkhidmatan rel di Klang ke Kuala Selangor, Tanjong Karang dan Sabak Bernam
- tubuh pelabuhan ketiga di Pulau Carey, Pelabuhan Klang
- kurangkan kesesakan trafik menggunakan sistem pengurusan diamalkan Korea Selatan dan Singapura
- peruntuk RM100 juta tingkat mutu jalan di luar bandar
- wujudkan 5,000 pusat pengecasan berkuasa tinggi di kawasan awam untuk kereta elektrik
- lengkapkan panel solar di bangunan kerajaan dan PBT
- wujudkan taman perindustrian mampan untuk jadi negeri neutral-karbon
- urusan kerajaan menggunakan sistem digital sepenuhnya
- bangunkan pertanian moden, aeroangkasa, rel dan bas elektrik, perkhidmatan 5G, robotik, automasi, kecerdasan buatan, tenang boleh diperbaharu serta e-sukan
- lengkapkan keterhubungan 5G, jadi negeri tercekap di Asia Tenggara



PENCAPAIAN KERAJAAN NEGERI

Inisiatif	Penerangan	Peruntukan (RM)*	Penerima (Unit)*
Smart Selangor Parking	Pembayaran parkir guna aplikasi pintar	TD**	2.6 juta
Turap jalan	Kerja turap babit jalan negeri seliaan JKR dan Infrasel	50 juta	TD**
Bas Smart Selangor	Percuma: bas di seluruh negeri	163 juta	51 juta
Khidmat van DRT	Perkhidmatan van transit atas permintaan memenuhi keperluan penduduk	3 juta	TD**

**Data tidak diperolehi ketika akhbar dicetak



N28 SERI KEMBANGAN

PERIKATAN NASIONAL Ken Liau

BEBAS Serdang Wong Jun Lik

HARAPAN Wong Siew Ki



N33 TAMAN MEDAN

HARAPAN Ahmad Akhir Pawan Chik

PERIKATAN NASIONAL Dr. Afif Bahardin



N38 PAYA JARAS

PERIKATAN NASIONAL Dato' Dr Halim Tamuri

HARAPAN Khairuddin Othman

BEBAS Sifu Linda



N29 SERI SERDANG

MUDA Amir Hadi

PERIKATAN NASIONAL Mohd Shukor

HARAPAN Abbas Azmi



N34 BUKIT GASING

MUDA VKK Raja

PERIKATAN NASIONAL Nallan Dhanabalan

HARAPAN Rajiv Rishyakaran



N39 KOTA DAMANSARA

HARAPAN Izuan Kasim

PERIKATAN NASIONAL Radzlan Jalaludin

Sivarajan



N30 KINRARA

HARAPAN Ng Sze Han

PERIKATAN NASIONAL Wong Yong Kang



N35 KAMPUNG TUNKU

PERIKATAN NASIONAL Ruby Chin

HARAPAN Lim Yi Wei



N40 KOTA ANGGERIK

PERIKATAN NASIONAL Sukri Omar

HARAPAN Najwan Halimi

MUDA Azad Akbar



N31 SUBANG JAYA

HARAPAN Michelle Ng Mei Sze

PERIKATAN NASIONAL S. Gana

MUDA Zayd Shaukat



N36 BANDAR UTAMA

HARAPAN Jamaliah binti Jamaluddin

MUDA Abe Lim

PERIKATAN NASIONAL Aliff Taufid



N41 BATU TIGA

MUDA Cheda Razak

HARAPAN Danial Al-Rashid

PERIKATAN NASIONAL Rina Harun



N32 SERI SETIA

BEBAS Harindran a/l Krishan

MUDA Dobby Chew

HARAPAN Dr. Fahmi Ngah

PERIKATAN NASIONAL Mohd Zubir Embong



N37 BUKIT LANJAN

PERIKATAN NASIONAL Muniraa Abu Bakar

HARAPAN Pei Ling



N42 MERU

PERIKATAN NASIONAL Hasnizam Adham

Sivaranjani

HARAPAN Mariam Abdul Rashid



N43 SEMENTA

HARAPAN

Afrishah Azizi



PERIKATAN NASIONAL

Ustaz Najhan Salleh

N44 SELAT KLANG

PERIKATAN NASIONAL

Datuk Abdul Rashid bin Asari



Datuk Hj Mohd Roslee bin Abd Hamid



Datuk Ezam Mohd Nor

N45 BANDAR BARU KLANG

HARAPAN

Dr. Quah



PERIKATAN NASIONAL

Tan Seng Huat

N46 PELABUHAN KLANG

PERIKATAN NASIONAL

Wan Hasrina Wan Hassan



Syed Ahmad Putra



HARAPAN

Azmizam Zaman Huri

N47 PANDAMARAN

HARAPAN

Tony Leong Tuck Chee



PERIKATAN NASIONAL

B. Gunalan



Tan Kang Yap

N48 SENTOSA

HARAPAN

Gunaraj G



PERIKATAN NASIONAL

Parameswaran a/l Ganason

MUDA

Teacher Tanusha



Jeichandran a/l Wadivelu

N49 SUNGAI KANDIS

HARAPAN

Ustaz Zawawi Mughni



PERIKATAN NASIONAL

Wan Dzahanurin Ahmad

MUDA

Afriena Shaqira

N50 KOTA KEMUNING

HARAPAN

Preakas Sampunathan



PERIKATAN NASIONAL

Jimmy Chew Jyh Gang



Cikgu Sekar

N51 SIJANGKANG

PERIKATAN NASIONAL

Dr Ahmad Yunus



Al-Hafizi

N52 BANTING

BEBAS

Ang Wei Yang

PERIKATAN NASIONAL

Saravanan a/l Mutto Krishnan

HARAPAN

Papparaidu Veraman



N53 MORIB

PERIKATAN NASIONAL

Rosnizan bin Ahmad



HARAPAN

Hj Hasnul Baharuddin

N54 TANJONG SEPAT

PERIKATAN NASIONAL

Sabirin Marsono



HARAPAN

Borhan bin Aman Shah

N55 DENGKIL



Prof Darren Ong



Noorazli bin Said



Mohd Daud Leong

PERIKATAN NASIONAL

Datuk Seri Jamil Salleh

N56 SUNGAI PELEK

PERIKATAN NASIONAL

Dato Suhaimi Ghazali



HARAPAN

Lwi Kian Keong

BEBAS

Nageswaran Ravi

**PILIHAN ANDA
PILIHAN TERBAIK**



Prestasi cemerlang sejak 2018

KUALA LANGAT - Pengundi Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjong Sepat menyifatkan penyandang kerusi itu Borhan Aman Shah sebagai wakil rakyat yang prihatin terhadap masalah rakyat.

Noraizah Mohd Darus, 40, berharap Borhan yang banyak menghulur bantuan kebajikan kepada penduduk sejak 2018 menang pilihan raya negeri berikutan prestasi cemerlangnya itu.

"Saya ada mohon bantuan kompu-

ter riba untuk kegunaan anak di universiti. Alhamdulillah diluluskan dalam masa sangat singkat.



"Dalam keadaan ekonomi serba mencabar, bukan semua mampu beli komputer riba, bila pejabat YB (Yang Berhormat) Borhan luluskan, saya bersyukur sangat," katanya pada 6 Ogos.

Siti Suraya Saleh, 38, pula menganggap perwatakan Borhan mesra, mudah didekati dan cakna keperluan penduduk setempat menjadikannya

sangat disenangi.

"Beliau juga pemimpin yang ada idea dan sering fikirkan keperluan rakyat. Contohnya, wujudkan khidmat ambulan DUN Tanjong Sepat yang banyak membantu penduduk berulang-alik ke hospital.

"Beliau juga aktif menyertai kegiatan kemasyarakatan. Sudah pasti kami mahu beliau terus kekal sebagai wakil rakyat," katanya.

Borhan menang dengan majoriti 9,828 undi dalam pilihan raya umum lalu. Kali ini, beliau dicabar calon Perikatan Nasional Sabirin Marsono.

Dibuka akhir bulan ini

Penyandang tunai janji bina masjid

HULU LANGAT - Permintaan umat Islam di Bandar Teknologi Kajang di sini untuk memiliki masjid dipenuhi berikutan projek pembinaannya telah siap dan boleh digunakan tidak lama lagi.

Penyandang kerusi Sungai Ramal menjelaskan masjid yang mula dibina sejak 2019 dan menelan kos RM12 juta itu hanya menunggu sijil penggunaan daripada Majlis Agama Islam Selangor.

Mazwan Johar menjangka masjid di tanah seluas tiga hektar yang mampu menampung 4,000 jemaah dibuka sebelum akhir bulan ini selepas kerja sambungan bekalan air dan elektrik selesai.



Beliau menambah pembinaan rumah ibadah berkenaan bermula hujung 2019 yang dijadual hujung 2021 berikutan permintaan penduduk setempat tetapi tergendala akibat pandemik Covid-19.

"Penduduk sudah lama duduk tetapi tidak ada masjid untuk beribadah. Jadi saya usahakan cari tapak. Sekarang, masjid siap sepenuhnya.

"Hasil lawatan terakhir saya bersama Jabatan Kerja Raya mendapati hanya berbaki kerja sambung bekalan elektrik dan air," katanya ketika ditemui pada 2 Ogos.

Meraih 24,591 undi majoriti dalam pilihan raya umum lalu, Mazwan yang

banyak menyelesaikan isu setempat mempertahankan kerusi itu dan berdepan Shafie Ngah daripada Perikatan Nasional.

Bantu lepasan tahfiz

KUALA SELANGOR - Calon Pakatan Harapan kerusi Permatang Mohd Yahya Mat Sahri bertekad untuk menyelesaikan masalah peluang pasaran kerja terhad yang kerap dihadapi lepasan tahfiz.

Beliau bercadang untuk menjalin kerjasama dengan Universiti Selangor (Unisel) yang ada menyediakan program 'fast track' Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk pelajar aliran agama.

Menjelaskan ada 12 pusat tahfiz di Permatang, beliau yang mesra dipanggil Pak Ya menjelaskan peluang pekerjaan menjadi lebih meluas jika kelompok tersebut ada kelayakan SPM.

"SPM wajib ada untuk membina kerjaya di Malaysia selain melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi," katanya dalam



sidang media.

Selain itu, Mohd Yahya juga mahu mewujudkan program Halal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi melahirkan penganalisis industri halal berkemahiran, berilmu dan beriman.

"Mereka akan dilatih menjadi pekerja mahir, pegawai atau usahawan dalam industri halal hab negara.

"Program Halal TVET akan dikendalikan Majlis Ekonomi Halal (MEH) dengan kerjasama Halal Development Corporation (HDC) selain sokongan pentadbiran negeri dan jabatan agama," katanya pada 4 Ogos.

DUN Permatang menyaksikan pertembungan dua penjurong antara Pak Ya dan Nurul Syazwani Noh daripada Perikatan Nasional.

Bangun pusat sukan lengkap asrama

KUALA LANGAT - Selain dijadikan lokasi pelancongan terkemuka, Pantai Batu Laut berpotensi sebagai pusat sukan perahu layar menerusi pembinaan prasarana baharu.

Penyandang kerusi Tanjong Sepat Borhan Aman Shah menjelaskan pusat yang akan dibina selewat-lewatnya awal tahun depan bakal dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk asrama.

"Jeti juga akan dibuat baharu bagi memudahkan pelayar mendaratkan perahu," katanya ketika ditemui selepas program senamrobik dan sukaneka di Dataran Pantai Batu Laut pada 5 Ogos.

EXCO negeri itu berkata kemudahan terbaharu itu juga akan terus merencanakan aktiviti ekonomi setempat, lebih-lebih lagi lokasi berkenaan tempat berlangsung kejohanan perahu layar.

"Selain Pulau Langkawi dan Terengganu, Pantai Batu Laut menjadi aset Selangor bagi aktiviti perahu layar disebabkan arus yang sesuai dan tiada risiko ombak tinggi," katanya.

Borhan yang mewakili Pakatan Harapan berdepan Sabirin Marsono daripada Perikatan Nasional dalam pertandingan dua penjurong pada pilihan raya negeri 12 Ogos.

Bayu Homes

@Taman Saga 3,
Jalan Raja Nong, Klang.

RUMAH TERES 2 TINGKAT
LOT BUMIPUTERA
PEGANGAN KEKAL

- Saiz Lot 20' x 80'
- Luas Binaan daripada 2,146 Kaki Persegi
- Tinggal 12 Unit Sahaja
- Berdekatan Masjid Kota Raja

HARGA DARIPADA
RM683,550*

HUBUNGI :

016 364 4555 NADZRIE
019 366 4688 ROSE
016 208 8426 THOHA
016 269 5336 IBERAHIM

*Harga selepas diskaun bumiputera

Lesen Pemaju (Fasa 1): 13298-202-2024/89(L) Tempoh Sah: Dari 8/2/2022 hingga 7/2/2024 | Permit Iklan & Jualan (Fasa 1): 13298-202-2024 (P) Tempoh Sah: Dari 8/2/2022 hingga 7/2/2024 | Lesen Pemaju (Fasa 2): 13298-303-2024/0207 (L) Tempoh Sah: Dari 11/3/2022 hingga 10/3/2024 | Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Klang | No. Rujukan Kelulusan Pelan Bangunan: MPK/BGN-690-4/10048(2020)-P | Pegangan Tanah: Hak Milik Bebas (kini Geran Hakmilik Induk) | Sekatan Kepentingan: Tidak | Tarikh Djangka Siap: Disember 2024 (Fasa 1) | Fasa 1 - Jumlah Unit: 22 unit (Jenis: B - Senja) | Harga Jualan: Jenis: B - Senja (minimum: RM51,000.00 - maksimum: RM1,008,000.00) (Fasa 2) | Fasa 2 - Jumlah Unit: 30 unit (Jenis: A - Suria) | Harga Jualan: Jenis: A - Suria (minimum: RM735,000.00 - maksimum: RM1,163,000.00) | Diakuai Bumiputera: 7% | Bebanan Tanah: Maybank Islamic Berhad (Penafian: Semua maklumat yang terkandung di sini termasuk ukuran dan ilustrasi tertakluk pada pindaan tanpa pemberitahuan seperti yang mungkin dikehendaki oleh pihak berkuasa atau perunding pemaju dan tidak bertujuan untuk membentuk atau tidak boleh membentuk sebahagian dari tawaran atau kontrak. Semua ukuran hanya anggaran. Semua ilustrasi adalah tanggapan artis sahaja.



Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan ceramah Kita Selangor Arus Merah Kuning di Bukit Antarabangsa, Gombak pada 7 Ogos



Anggota polis dan tentera menunggu giliran untuk mengundi awal bagi pilihan raya negeri di IPD Gombak, Gombak pada 8 Ogos



Calon Tanjong Sepat Borhan Aman Shah bertemu penduduk di klinik kesihatan di kawasan yang ditandinginya pada 7 Ogos



Calon Sungai Kandis Mohd Zawawi Ahmad Mughni menziarahi pesakit angin ahmar di Taman Johan Setia, Klang pada 6 Ogos



Calon Paya Jaras Mohd Khairuddin Othman bertanya khabar di klinik Kampung Melayu Sungai Buloh, Shah Alam pada 7 Ogos



Calon Jeram Datuk Jahaya Ibrahim bersama jemaah mengurus jenazah di Masjid Tambak Jawa, Kuala Selangor pada 7 Ogos



Calon Meru Mariam Abdul Rashid mengedar risalah kepada pengunjung pasar di Taman Ria, Klang pada 7 Ogos



Calon Sungai Ramal Mazwan Johar bermesra dengan penduduk di Bandar Baru Bangi, Hulu Langat pada 7 Ogos

Kelas mengaji, guaman percuma

SHAH ALAM - Khidmat guaman untuk wanita dan kelas mengaji percuma antara tawaran calon Pakatan Harapan kerusi Hulu Kelang Juwairiya Zulkifli untuk penduduk di situ.

Calon nombor dua pada kertas undi itu mengumumkan perkara berkenaan ketika melancarkan manifestonya, '6 Agenda Hulu Kelang' dalam sidang media pada 7 Ogos.



"Masih ramai wanita tidak mampu dapat khidmat guaman kerana itu antara aduan yang kerap kali disuarakan mereka walaupun realitinya pahit.

"Sementara untuk anak keluarga berpendapatan rendah (B40), selari dengan manifesto 'Islam Teras Kehidupan', saya mahu anjur kelas pengajian iqra dan al-Quran percuma," katanya. Tawaran lain antaranya kesela-

matan dan kesejahteraan masyarakat, mendaya upaya wanita, memangkin potensi anak muda, merencanakan ekonomi dan peluang kerja serta membela Orang Asli.

"Agenda Hulu Kelang ini untuk memenuhi keperluan jangka pendek masyarakat, juga menawarkan penyelesaian mampan untuk mencapai aspirasi jangka panjang penduduk," katanya yang berdepan Dato' Seri Mohamed Azmin Ali daripada Perikatan Nasional.

Atasi banjir di Paya Jaras

Kerja dalamkan sungai hampir siap

SHAH ALAM - Masalah banjir sekitar Dewan Undangan Negeri Paya Jaras bakal berakhir pada masa depan berikutan kerja pendalaman sungai hampir selesai, kata penyandang kerusi berkenaan.

Mohd Khairuddin Othman yang juga EXCO negeri menjelaskan kerja mendalamkan Sungai Kedondong telah dibuat disusuli dengan kerja melebar serta mendalamkan Sungai Buloh secara sistematik.

Beliau menambah tebing Sungai Subang pula akan ditinggikan bagi mengelak penduduk Kampung Kubu Gajah terjejas banjir sebagai langkah sementara.

"Kerja dalamkan Sungai Kedondong telah kita laksanakan tetapi timbul masalah aliran air deras sehingga menjejaskan penduduk sekitar kampung ini (Kubu Gajah).



"Selepas selesai kerja meninggikan tebing Sungai Subang, saya akan gesa kerajaan untuk lebarkan sungai di Sungai Buloh seterusnya menamatkan isu banjir," katanya pada 6 Ogos.

Berharap pengundi tidak terpedaya dengan pembangkang yang mempolitikkan isu tersebut, Mohd Khairuddin turut mempersoal rancangan mereka untuk mengatasi banjir di kawasan itu.

"Hendak selesaikan banjir bukan senang atau semudah disangka. Saya berani jamin pembangkang tidak tahu pun kedudukan semua sungai di Paya Jaras ini," katanya.

Banjir di Paya Jaras berlaku akibat limpahan air di Sungai Buloh, Sungai Subang dan Sungai Kedondong apabila hujan lebat seterusnya menjejaskan penduduk Kampung Kubu Gajah.

Susun gerai sistematik

SHAH ALAM - Memastikan projek tebatan banjir dijayakan segera dan saliran kerap diselenggara antara tumpuan utama calon Pakatan Harapan kerusi Meru Mariam Abdul Rashid.

Naib pengerusi Parti Amanah Negara (Amanah) negeri itu juga mahu menangani lambakan warga asing dengan kerjasama agensi penguatkuasaan selain menyusun gerai dengan lebih sistematik.

Beliau percaya kebersamaan kerajaan peringkat negeri dan persekutuan memudahkan usaha menangani masalah khususnya berkaitan banjir berikutan perbelanjaannya besar.

"Kalau berbeza, peruntukan itu mungkin lambat turun," katanya ketika melancarkan manifesto peringkat

Meru pada 7 Ogos.

Mariam juga berhasrat menjadikan Meru sebagai hab ilmu dengan memperbanyak majlis ilmu, ceramah agama, sambutan hari kebesaran Islam dan program kerohanian untuk masyarakat.

Beliau turut mahu membangun potensi wanita melalui penghasilan produk dari rumah selain memastikan golongan berpendapatan rendah termasuk miskin tegar menerima bantuan kerajaan.

Mariam berdepan Hasnizam Adham daripada Perikatan Nasional dan Sivaranjani (Parti Sosialis Malaysia) dalam saingan tiga penjurua pada pilihan raya negeri pada 12 Ogos.



Yakin kebolehan calon Hulu Kelang

GOMBAK - Calon Pakatan Harapan (HARAPAN) kerusi Hulu Kelang Juwairiya Zulkifli diyakini mampu memberi khidmat terbaik kepada rakyat jika menang pilihan raya negeri (PRN).

Pesara Othman Che Man, 69, percaya dengan kebolehan setiausaha politik kepada Dato' Menteri Besar itu berikutan prestasi cemerlangnya sepanjang menjadi wakil rakyat Bukit Melawati.

"Kita tengok sebelum ini di DUN Bukit Melawati rekod beliau bagus. Walaupun bukan calon asal ketika itu, tetapi beliau mampu laksanakan tugas dengan baik.

"Saya harap pengundi terutama atas pagar akan beri (sokongan) pada beliau," katanya ditemui dalam program Jualan Ehsan Rahmah (JER) di Kampung Kemensah di sini baru-baru ini.

Suri rumah Noorshidah Ismail, 54, pula berharap Juwairiya membantu mengatasi masalah kesesakan luar biasa pada hujung minggu dengan menambah baik jalan termasuk melebarkannya.

"Setiap kali hujung minggu pasti sesak dengan orang luar yang berkunjung ke Taman Rekreasi Kemensah dan Zoo Negara, justeru jalan jadi sempit dengan kenderaan keluar masuk," katanya.

Taman KOI

KINI DIBUKA UNTUK JUALAN
Sila Hubungi 03-3342 5881 untuk Maklumat Selanjutnya

Lot Tengah (Jenis A): 22' x 68' • Kawasan Membina 3,266 kaki ²	Bumiputera sahaja		
Lot Penjurua (Jenis A1): 22' x 68' • Kawasan Membina 3,416 kaki ²			
Lot Penjurua (Jenis A2): 22' x 68' • Kawasan Membina 3,875 kaki ²			
Nombor Lesen Pemaju: 13824/02-2025/0880(R)	Tarikh Sah Lesar: 10/02/2022 - 09/02/2025	Nombor Permit Iklan & Jualan: 13824-1/02-2024/0191(R)(L)	Tarikh Sah: 1 tahun
Tarikh Sah: Bermula dari 10/02/2023 sehingga 09/02/2024	Jenis Pegangan Tanah: Pajakan	Tarikh Tamat Tempoh Pajakan: 99 Tahun	
Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahtitah atau dipajak melainkan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.	Beban: Tiada galian	Baki Unit: 12 unit	Tarikh Tamat Tempoh Pajakan: 27 November 2074
Pihak Berkuasa yang meluluskan: Majlis Daerah Sabak Bernam	Harga Jualan: RM650,000.00 (Minima), RM750,000.00 (Maksima)	Pelan Bangunan yang diluluskan: OSC/A12/02/2014(PB)	Tarikh Dijangka Siap: Disember 2025

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAH NEGARA



Dato' Seri Amirudin Shari dan calon Sungai Panjang Dato' Mohd Imran Tamrin (kiri) menyertai Himpunan Megabike Week di Serdang, Subang Jaya pada 6 Ogos



Calon Pelabuhan Klang Azmizam Zaman Huri menyapa penduduk di Pandamaran Jaya, Klang pada 5 Ogos



Calon Dengkil Noorazli Said menegur warga Kampung Baru Cina, Sepang pada 5 Ogos



Calon Ijok Amidi Abdul Manan bermesra dengan pelanggan restoran di Kampung Bukit Cherakah, Kuala Selangor pada 7 Ogos



Calon Taman Templer Anfaal Saari bermesra dengan penduduk di Selayang Baru, Gombak pada 8 Ogos



Calon Semenyih Wan Zulaika Anua menziarahi penduduk di Kampung Sungai Jai, Berang, Hulu Langat pada 7 Ogos



Calon Batang Kali Datuk Mohd Isa Abu Kasim menyapa pengunjung di Pekan Sungai Choh, Hulu Selangor pada 8 Ogos



Calon Hulu Bernam Amran Sakir bersama pengunjung Jualan Ehsan Rahmah di Dataran Niaga Felda Gedangsa, Hulu Selangor pada 7 Ogos



Lebih banyak rumah mampu milik

AMPANG JAYA - Calon Barisan Nasional (BN) Gombak Setia Datuk Megat Zulkarnain Omardin mahu membina lebih banyak rumah mampu milik di Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan.

Menyifatkan cadangan membina 200,000 unit rumah sedemikian dalam Tawaran Kita Selangor: 5 Tekad untuk 5 Tahun bertepatan, beliau berkata Gombak antara kawasan yang kepadatan penduduknya tinggi.

Beliau percaya inisiatif itu membantu ramai anak jati Gombak untuk memiliki rumah sendiri selain mengelakkan mereka

berhijrah ke tempat lain sebaliknya dapat tinggal berdekatan dengan ibu bapa.

"Perkara pertama saya akan buat jika terpilih, mohon Dato' Menteri Besar untuk tambah bilangan unit rumah di Gombak Setia," katanya dalam ceramah di Taman Gombak Ria pada 6 Ogos.

Megat Zulkarnain yang juga pengerusi BN negeri yakin gabungan Pakatan Harapan (HARAPAN) dan BN mempunyai sokongan mencukupi untuk menang pilihan raya negeri pada 12 Ogos.

"Saya percaya Kerajaan Perpaduan akan terus memerintah Selangor, kita sedang berusaha kekalkan dua pertiga

majoriti dan tambah jumlah kerusi daripada sebelum ini," katanya.

Beliau turut mengecam amalan politik kotor Perikatan Nasional yang memberi andaian tampuk kerajaan persekutuan boleh ditukar jika gabungan itu menang pilihan raya enam negeri.

"Kononnya kerajaan persekutuan boleh ditukar tetapi Selangor stabil dan bila berasa tidak mampu tawan beberapa negeri yang mereka harapkan, mereka beri naratif yang salah," katanya.

Megat Zulkarnain berdepan saingan tiga penjurua menentang penyandang Hilman Idham daripada Perikatan Nasional selain calon bebas Mohamed Salim Mohamed Ali.



Nash bantu kempen di Batang Kali

SHAH ALAM - Penyanyi Lefthanded Nash menyifatkan calon Barisan Nasional (BN) kerusi Batang Kali Datuk Mohd Isa Abu Kasim sebagai pemimpin berjiwa rakyat.

Justeru, pemilik nama sebenarnya Nashrudin Elias tidak ketinggalan membantu kempen bekas wakil rakyat Batang Kali pada 2013 itu, yang lama dikenali dan dianggap sahabatnya.

"Seorang yang ada jiwa kepada masyarakat, kasih sayangnya kepada penduduk nampak jelas. Rakyat patut pilih Mohd Isa kerana ini pilihan tepat," katanya dalam YouTube SelangorTV.

Mohd Isa berdepan Muhaimin Harith daripada Perikatan Nasional (PN) dalam persembungan satu lawan satu pada 12 Ogos.

Sementara itu, calon BN Hulu Bernam Mohd Amran Sakir mahu membawa cadangan supaya tanah milik Kerajaan Negeri di kampung tradisi dijadikan tapak perumahan.

Beliau berkata langkah berkenaan bertujuan memberi peluang generasi kedua untuk memiliki rumah pada harga lebih murah berbanding projek perumahan yang dibangunkan pemaju.

"Hampir semua kampung tradisi di Hulu Bernam ada tanah milik negeri. Jadi, saya cadang sediakan tapak perumahan yang lebih mudah untuk dimiliki penduduk," katanya.

Mohd Amran berdepan calon PN Mui'zzuddeen Mahyuddin dalam pertandingan satu lawan satu.

Petanda positif

Tawaran lonjak sokongan pengundi

SHAH ALAM - Tawaran Kita Selangor: 5 Tekad untuk 5 Tahun dilancar pada 31 Julai melonjak sokongan pengundi Pelabuhan Klang kepada penyandang-nya Azmizam Zaman Huri.

Mempertahan kerusi itu, beliau percaya lebih 23,000 pengundi sedia memberi sokongan kepada Pakatan Harapan (HARAPAN) selepas seminggu berkempen berdasarkan culaan jentera kempen.

"Saya yakin dengan manifesto yang dilancarkan pada 31 Julai, rakyat menerimanya dengan baik. Itu yang menjadi sebab peningkatan penyokong yang akan undi HARAPAN," katanya pada 4 Ogos.

Azmizam menyifatkan situasi terse-

but petanda positif menjelang hari pengundian pada 12 Ogos. Seramai 51,907 pengundi berdaftar di Pelabuhan Klang pada pilihan raya negeri (PRN) kali ini.

Pada pilihan raya umum lalu, beliau menang dengan majoriti 6,422 undi dalam persaingan empat penjurua.

Kali ini, beliau berdepan Wan Hasrina Wan Hassan daripada Perikatan Nasional dan Syed Ahmad Putra (Parti Rakyat Malaysia) dalam pertandingan tiga penjurua.

Tawaran HARAPAN negeri terdiri daripada lima teras yang dilancarkan Pengerusinya Dato' Seri Amirudin Shari memuatkan pelbagai bentuk bantuan dan perancangan bagi membangunkan negeri.



Tingkat pelancongan

SHAH ALAM - Calon Barisan Nasional kerusi Dusun Tua Datuk Johan Abdul Aziz mahu menambah baik aspek kemudahan di beberapa lokasi pelancongan sekitar kawasannya.

Timbalan pengerusi Umno Selangor itu percaya kerana beberapa air terjun yang sering mendapat perhatian dan dikunjungi ratusan pengunjung khususnya pada hujung minggu.

"Bukan sungai sahaja tetapi geografi kawasan ini ada dua kolam air panas

selain Gunung Nuang yang menjadi pilihan golongan pencinta alam sekitar dan penggemar kegiatan lasak.

"Saya mahu pastikan lokasi itu memberi keselesaan. Bila ramai ke lokasi pelancongan, secara tidak langsung dapat tambah pendapatan penduduk sekitar," katanya pada 6 Ogos.

Johan turut bercadang untuk menambah baik prasarana jalan raya termasuk laluan alternatif demi keselesaan pengunjung dan penduduk setempat.



Dokumen itu merangkumi banyak sektor penting bagi meneruskan kemajuan sedia ada. Sebahagian daripadanya telah dimulakan manakala ada program termuat dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).



SMARTSEL SDN BHD (1222445-V)

KENYATAAN TENDER

SMARTSEL Sdn Bhd adalah merupakan sebuah anak syarikat Koridor Utiliti Selangor Sdn Bhd (KUSEL) ingin menjemput pemohon yang berkelayakan untuk menyertai tender di bawah:

Tajuk Tender	Kelayakan /Keterangan
<p>SSB/RFP/003-2023</p> <p>Request for Proposal to Supply, Deliver, Install, Configure and Maintain Access Point for Wi-Fi Smart Selangor</p> <p>Cadangan Membekal, Menghantar, Memasang, Mengkonfigurasi dan Menyelenggara Akses Point Wi-Fi Smart Selangor</p>	<p>1. Berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM"), Kementerian Kewangan ("MOF")</p> <p>2. Berdaftar di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ("MCMC") sebagai Network Facilities Providers ("NFP"), Network Service Provider ("NSP"), dan Applications Service Providers ("ASP").</p> <p>3. Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam bidang berkaitan.</p>

- Pemohon dikehendaki menyatakan minat mereka melalui e-mel kepada procurement@smartsel.co.
- Pembelian dokumen RFP (RM 300.00) akan dibuka bermula dari 14 Ogos 2023 (Isnin), jam 2.30 petang hingga tarikh tutup tender iaitu pada 24 Ogos 2023 (Khamis), jam 3.00 petang (waktu Smartsel).
- Bayaran tersebut hendaklah dibuat secara pindahan dana atas talian kepada bank **Smartsel Sdn Bhd** seperti dibawah:

Bank	: CIMB Bank
No Akaun	: 80-0908768-0
Rujukan Penerima	: RFPWSS

- Pemohon dikehendaki membawa cop Syarikat dan pemacu kilat USB (USB flash drive) semasa pembelian dokumen tender.
- Resit pembayaran hendaklah dikemukakan kepada **Smartsel Sdn Bhd** semasa pengambilan dokumen tender di alamat tertera seperti dibawah.
- Dokumen yang telah lengkap hendaklah dihantar ke pejabat **Smartsel Sdn Bhd c/o Koridor Utiliti Selangor Sdn Bhd (KUSEL), Unit Perolehan & Governans, Tingkat 19, Wisma Ehsan, Persiaran Dato' Menteri, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor.**
- Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan ditolak.
- Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini boleh diajukan melalui email kepada procurement@smartsel.co



Calon Gombak Setia Datuk Megat Zulkarnain Oмарdin menyapa pengunjung restoran di Kampung Changkat, Gombak pada 4 Ogos



Calon Hulu Kelang Juwairiya Zulkifli bersama penduduk di Taman Melawati, Ampang Jaya pada 3 Ogos



Calon Dusun Tua Datuk Johan Abdul Aziz bersama anak muda di Kampung Sungai Tekali, Hulu Langat pada 6 Ogos



Calon Taman Medan Ahmad Akhir Pawan Chik bermesra dengan orang ramai di Petaling Utama, Petaling Jaya pada 7 Ogos



Calon Bukit Melawati Thiban Subramaniam membantu pembeli jualan murah di Kampung Bukit Kuching, Kuala Selangor pada 5 Ogos



Calon Permatang Mohd Yahya Mat Sahri bersama penduduk di Taman Suria Indah, Kuala Selangor pada 7 Ogos



Calon Sementa Afrishah Azizi bertemu orang ramai di Taman Klang Perdana, Klang pada 8 Ogos



Calon Sungai Pelek Lwi Kian Keong berswafoto bersama penduduk di Kampung Labu Lanjut, Sepang pada 7 Ogos

Sokongan bantu Selangor FC berjaya

SHAH ALAM - Pasukan bola sepak Selangor FC menerima banyak sumbangan daripada pentadbiran negeri seterusnya membantu meraih pelbagai kejuaraan selain melahirkan pemain hebat.

Ketua pegawai eksekutifnya berkata pencapaian dalam beberapa tahun lalu disokong usaha Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari sejak menjadi EXCO sukan dan pengurus Red Giants.

Dr Johan Kamal Hamidon juga

menambah pasukan bimbingan Tan Cheng Hoe kini memiliki pelbagai kemudahan lengkap termasuk pusat latihan hasil bantuan Kerajaan Negeri.

"Bukan hanya wang tunai tapi juga sokongan moral. Selepas jadi MB, Amirudin cakna dengan Selangor FC, malah berjumpa dua tiga kali setahun mendengar, bertukar cadangan.

"Selangor FC juga tidak pernah berdepan isu tunggakan gaji kerana kebajikan pemain dititik berat," katanya pada 9 Ogos.

Dr Johan berkata kejayaan menang Piala Malaysia pada 2015 ketika Amirudin sebagai pengurus antara pencapaian penting selain menubuhkan Akademi Bola Sepak Merah Kuning bagi mencungkil bakat.

Beliau juga gembira berikutan pengurusan negeri memberi kepercayaan penuh kepada Persatuan Bola Sepak Selangor untuk mengemudi pasukan tanpa mempertikai sebarang keputusan.

Selari hasrat Raja Muda

Manifesto kukuh usaha buru piala

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Rancangan bagi mengembalikan kegemilangan pasukan bola sepak Selangor FC dalam tempoh lima tahun ini selari matlamat Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah, presiden Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS).

Ketua pegawai eksekutif Selangor FC menjelaskan Baginda bukan sahaja mahu Red Giants menemupa kejayaan dalam saingan liga domestik sebaliknya mara ke peringkat Asia dan antarabangsa.

Dr Johan Kamal Hamidon berkata Tawaran Kita Selangor: 5 Tekad untuk 5 Tahun membantu usaha menjayakan hasrat tersebut sekali gus meletakkan pasukan kendalian jurulatih Tan Cheng Hoe ke tahap lebih tinggi.

"Manifesto itu selari visi dan misi Raja Muda yang inginkan pasukan kita

terbang lebih jauh. Sasaran sudah ada, jadi dengan aspirasi Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional, ia jadi kesinambungan.

"Ini dianggap pengiktirafan kepada sukan. Selepas ini, kita boleh duduk semeja bersama semua pihak untuk langkah seterusnya," katanya pada 9 Julai.



Memperkasa bakat baharu menerusi Akademi Merah Kuning seterusnya menyoar untuk menjuarai Piala Malaysia, Sukan Malaysia (SUKMA) dan Piala AFC terkandung dalam Tawaran Kita Selangor.

Dr Johan juga percaya inisiatif sedemikian membantu Selangor FC memainkan peranan sebagai wadah perpaduan pelbagai kaum menerusi bidang sukan.

"Sukan terutama bola sepak tidak hanya relevan dengan kegiatan sihat, riadah, perlawanan dan kesihatan sahaja tetapi sebagai satu sudut yang

mampu menyatupadukan rakyat serta sosial.

"Kami melihat peranan ini sesuatu yang penting kepada masyarakat, bukan hanya mahu menjulang piala semata. Jadi kita sangat menghargai peluang yang diberikan Kerajaan Negeri," katanya.

Pada 31 Julai, Pengerusi HARAPAN negeri yang juga Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari melancarkan tawaran itu merangkumi banyak sektor penting bagi meneruskan kemajuan sedia ada.

Sebahagian kandungan yang terdiri daripada lima teras telahpun dimulakan pentadbiran Dato' Menteri Besar itu manakala ada program termuat dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Pengundi tolak sentimen kaum

SHAH ALAM - Rata-rata pengundi tidak terpengaruh dengan dakwah pembangkang yang memainkan sentimen kaum dan agama sebagai bahan kempen pilihan raya negeri (PRN).

"Rakyat berasa muak dengan permainan isu kaum dan agama yang hanya muncul ketika waktu pilihan raya," kata calon Barisan Nasional (BN) kerusi Dengkil Noorazli Said.

Beliau juga gembira berikutan rakyat termasuk penyokong Umno semakin menerima kerjasama Pakatan Harapan dan BN demi memastikan kestabilan dan kemakmuran tanah air.

"Saya akui pada awal tempoh kempen memang satu

cabaran untuk yakinkan pengundi khususnya di saluran satu dan dua di luar bandar yang setia pada BN.

"Kita jelaskan kerjasama dengan kawan baharu dalam politik ini ada visi membawa negeri ke arah lebih baik dan pengundi Dengkil faham," katanya.

Ketua Umno Bahagian Sepang juga menegaskan parti itu tidak sesekali mengabaikan prinsip perjuangan untuk membela orang Melayu dan Islam meskipun landskap politik berubah.

Beliau berdepan Datuk Seri Jamil Salleh daripada Perikatan Nasional, Darren Ong (Parti Sosialis Malaysia) dan Datuk Mohd Daud Leong Abdullah (Parti Utama Rakyat).



Yakin menang di Sungai Burong

TANJONG KARANG - Calon Barisan Nasional Sungai Burong Mohamad Khir Ramli yakin menang kerusi di situ berdasarkan sambutan baik pengundi sepanjang minggu pertama kempen.

Mahu melipat ganda kempen pada minggu seterusnya, beliau menjelaskan kebanyakan penduduk kawasan berkenaan telah mengenali beliau berikutan penglibatannya dalam politik agak lama.

"Selain itu, faktor saya bekerja dengan pejabat agama lebih kurang 10 tahun juga buat orang mengenali saya," kata naib ketua Umno Bahagian Tanjong Karang itu pada 7 Ogos.

Beliau sebelum ini mengajar pendidikan agama di empat sekolah kebangsaan antara 1990 hingga 1999 selain bertugas di pejabat agama di negeri ini sehingga 2008.

Seru guna TikTok lariskan jualan

SHAH ALAM - Calon Barisan Nasional Kuang mahu membantu usahawan di situ memanfaatkan media sosial bagi menonjolkan produk dan meningkatkan hasil jualan mereka.

"Media sosial berperanan penting untuk menonjolkan produk yang diusahakan peniaga. Saya harap peserta dapat ilmu baharu melalui kursus ini," kata Datuk Hasnal Rezua Merican Habib Merican.

Beliau menyeru perkara itu dalam kursus pemasaran TikTok For Lady Boss anjuran Pusat Wanita Berdaya (PWB) Kuang pada 6 Ogos di Kampung Damai, Rawang yang disertai kira-kira 50 peserta.

Beliau disaingi dua lagi calon Mohd Rafiq Mohd Abdullah daripada Perikatan Nasional dan Sallehudin Amiruddin (Bebas).




PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	TBA	PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORKS FOR TAMAN PEREPAT, KLANG
2.	PN0000015432	PROPOSED INTERCONNECTION WORKS AT PERSIARAN BATU BELAH AND JALAN HAJI SIRAT, KLANG
3.	PN0000015420	PROPOSED RENOVATION AND INTERIOR FIT-OUT WORKS FOR KUALA LUMPUR REGIONAL OFFICE (APPROXIMATELY 32,000 sq. ft), OLD CANTEN BUILDING, MAIN ENTRANCE AND GUARD HOUSE
4.	PN0000015323	PROVISION OF STATIC SECURITY SERVICES AT KELAU DAM & SG. SEMANTAN RAW WATER PUMP STATION, PAHANG FOR A PERIOD OF 3 YEARS
5.	TBA	SUPPLY OF AUXILIARY POLICE, SECURITY GUARD UNIFORMS AND ACCESSORIES FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN. BHD. (2023 - 2024)

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan AirSelangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan dilaman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.



Kenaikan subsidi harga padi terbesar

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan kadar Skim Subsidi Harga Padi daripada RM360 per metrik tan kepada RM500 per metrik tan mulai 9 Ogos.

Beliau menjelaskan pesawah akan menerima sekurang-kurangnya RM1,700 per metrik tan seterusnya membantu meningkatkan pendapatan mereka, lapor Bernama.

"Ini kenaikan terbesar dalam sejarah. Anwar Ibrahim dulu ketika jadi menteri kewangan pernah naikkan (kadar).

"Hari ini saya naikkan sekali lagi, hari ini umum, esok naik," katanya dalam majlis Sentuhan Agro Madani Negeri Perak pada 8 Ogos. Turut hadir, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Jamin pelihara kedudukan Melayu

KUALA LANGAT - Kedudukan orang Melayu di Selangor akan terus dipertahan jika Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) mendapat mandat dalam pilihan raya negeri (PRN).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pihak lawan sengaja menakutkan pengundi dengan memainkan sentimen DAP akan menguasai pentadbiran jika HARAPAN-BN kekal di Selangor.

"Sudah pasti dia (pembangkang) menyerang rakan kongsi kita DAP untuk menakutkan orang Melayu. Demi memastikan suara mereka (orang Melayu) didengari, mereka kena undi HARAPAN-BN.

"Kenapa? Sebab perpaduan ini akan kekal bertahan dengan lebih kukuh, minimum satu dua penggal. Kalau ia lebih kukuh (boleh) bertahan puluhan tahun," katanya pada 7 Ogos.

Amirudin yang juga pengerusi HARAPAN Selangor turut menegaskan pembangkang akan selamanya berada pada takuk lama jika berterusan menyentuh isu raja, kaum dan agama.



IMARAH...
Ratusan penduduk bersama Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berselawat dan qasidah di Selayang Mutiara, Gombak pada 6 Ogos. Foto MOHD YUSNI ARIFFIN

Capai prestasi kewangan terbaik

Pakar puji Amirudin urus ekonomi

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari membuktikan keupayaannya memacu Selangor menjadi negeri termaju dan penyumbang kemakmuran negara sejak memimpin pada 2018.

Menurut ahli ekonomi dari Universiti Tun Abdul Razak, prestasi kewangan beliau paling baik sejak Pakatan Harapan mengambil alih negeri daripada Barisan Nasional sekitar 15 tahun lalu.

Profesor Dr Barjoyai Bardai berkata Amirudin bijak mengadun kaedah pengurusan ekonomi Dato' Menteri Besar terdahulu Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim

dan Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dengan menyuntik idea segar.

"Kita dapat saksikan rizab meningkat (sehingga RM3.4 bilion), begitu juga peningkatan pendapatan hasil kerajaan negeri (dari pelaburan lain)," katanya kepada Bernama pada 7 Ogos.

Dr Barjoyai menambah sumbangan KDNK kepada Malaysia ketika pentadbiran Amirudin naik daripada 23.7 kepada 24.3 peratus pada 2020 meski negara ketika itu mula diancam pandemik Covid-19.

Beliau menyifatkan pencapaian tersebut lebih baik daripada prestasi

pentadbiran Azmin iaitu 23 peratus, menurun antara 22 kepada 23.7 peratus era kepemimpinan Abdul Khalid.

Katanya, Amirudin berhasil mengekal Selangor sebagai destinasi pilihan pelabur terutama sektor pembuatan dan perkhidmatan, malah ada keistimewaan yang tidak dimiliki negeri lain.

"Saya lihat Selangor bukan sahaja mampu menarik, malah boleh pilih atau tentukan sektor dan industri tertentu yang ada nilai tambah tinggi sahaja, untuk masuk melabur," katanya.

LAGI BERITA MUKA 7 ►

Pilihan raya negeri Selangor

PILIHAN ANDA PILIHAN TERBAIK

demi kemajuan ekonomi
demi perpaduan rakyat
demi kesejahteraan bersama

Semakan Daftar Pemilih di
mysprsemak.spr.gov.my

